

BAB KEDUA

BAB KEDUA : BERIMAN KEPADA QADA' DAN QADAR DAN ALIRAN PEMIKIRAN MENGENAINYA

2.1 Pendahuluan

Penulisan Bab Kedua akan membincangkan konsep qada' dan qadar menurut Islam. Ia dimulakan dengan pendefinisan perkataan qada' dan qadar, pengertian beriman kepadanya, diikuti dengan perbincangan mengenai tahap-tahap beriman kepada qada' dan qadar sebagai asas perbincangan seterusnya. Bab ini juga membincangkan mengenai peringkat penulisan takdir. Oleh kerana topik qada' dan qadar melibatkan isu *afāl al-`ibād* (perbuatan hamba), dibincangkan juga aliran pemikiran mengenainya. Perbincangan pada bab ini adalah asas yang memberi penjelasan terhadap akidah qada' dan qadar. Apabila ia diketahui, penerusan perbincangan mengenai permasalahan dan kesan beriman kepada qada' dan qadar pada Bab Ketiga dan analisis pada Bab Keempat akan menjadi lebih lancar.

2.2 Definisi Qada' dan Qadar

Dalam mendefinisikan qada' dan qadar, penulis berpandukan kitab-kitab tafsir bagi ayat-ayat yang berkaitan. Penulis juga tidak ketinggalan untuk merujuk kamus-kamus bagi pendefinisan ini kerana ia memfokuskan kepada pengertian perkataan secara langsung .

2.2.1 Definisi Qada'

Perkataan *al-qadā'* (القضاء) tidak digunakan dalam al-Quran. Walau bagaimanapun terdapat ayat-ayat yang mengandungi perkataan berasal daripada kata dasar *al-qadā'*. Dikumpulkan di sini beberapa ayat tersebut.

Firman Allah s.w.t.:

I- وَقْضَى رَبُّكَ أَلَا تَعْبُدُوا إِلَّا إِيَاهُ وَبِالْوَالِدِينِ إِحْسَانًا³⁶

II- وَمَا كَانَ لِمُؤْمِنٍ وَلَا مُؤْمِنَةٍ إِذَا قُضِيَ اللَّهُ وَرَسُولُهُ أَمْرًا أَنْ يَكُونَ لَهُمُ الْخِيرَةُ مِنْ أَمْرِهِمْ³⁷

III- فَقَضَاهُنَّ سَبْعَ سَمَاوَاتٍ فِي يَوْمَيْنِ وَأَوْحَى فِي كُلِّ سَمَاءٍ أَمْرَهَا³⁸

IV- قَضَى الْأَمْرُ الَّذِي فِيهِ تَسْتَفِيَانٌ³⁹

V- إِذَا قُضِيَ أَمْرًا فَإِنَّمَا يَقُولُ لَهُ كُنْ فَيَكُونُ⁴⁰

VI- وَمَا كُنْتَ بِجَانِبِ الْغَرَبِيِّ إِذْ قُضِيَنَا إِلَى مُوسَى الْأَمْرُ وَمَا كُنْتَ مِنَ الشَّاهِدِينَ⁴¹

Menurut para mufasirin, pengertian qada' pada perkataan-perkataan bergaris di atas adalah berbeza. Menurut al-Tabarī (m.M/310H) perkataan *al-Qadā'* dalam ayat pertama bererti *al-Amr*⁴² iaitu perintah. Jadi, maksud ayat tersebut ialah:

³⁶Sūrah al-Isrā', 17:23.

³⁷Sūrah al-Aḥzāb, 33:36.

³⁸Sūrah Fussilat, 41:12.

³⁹Sūrah Yūsuf, 12:41.

⁴⁰Sūrah Āl 'Imrān, 3:47.

⁴¹Sūrah al-Qaṣāṣ, 28:44.

"Tuhanmu telah memerintahkan agar kamu tidak menyembah kecuali Dia dan berbuat baik kepada kedua ibu bapa"

Menurut *Tafsir al-Marāghī* dan *Safwah al-Tafāsīr*, *al-Qadā'* di dalam ayat kedua pula bererti *al-Hukm*⁴³ iaitu hukuman atau kata putus. Maksud ayat tersebut ialah:

✿

"Dan tidaklah harus bagi orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan - apabila Allah dan Rasul-Nya menetapkan hukum (keputusan) mengenai sesuatu perkara - (tidaklah harus mereka) mempunyai hak memilih ketetapan sendiri mengenai urusan mereka".

al-Qadā' dalam ayat ketiga, menurut al-Tabarī, bererti *al-Khalq*⁴⁴ iaitu penciptaan. Maksud ayat tersebut ialah:

"Lalu Ia menciptakannya (menjadikannya) tujuh petala langit, dalam dua masa; dan Ia memberitahu kepada tiap-tiap langit akan urusan dan keperluannya masing-masing".

al-Qurtubī (m. M/671H) menyatakan *al-Qadā'* pada ayat keempat bererti *al-Farāgh* iaitu selesai. Maksud ayat tersebut ialah:

"Telah selesailah (dan tetaplah berlakunya) perkara yang kamu tanyakan itu".

al-Qadā' pada ayat kelima bererti *al-Iradah*⁴⁵ iaitu kehendak. Maksud ayat tersebut ialah:

✿

Apabila Dia ingin melaksanakan sesuatu perkara, maka Ia hanyalah berfirman kepadanya: 'Jadilah engkau', lalu menjadilah ia."

⁴²Sila lihat, Abū Ja'far Muḥammad bin Jarīr al-Tabarī, *Jāmi' al-Bayān an Ta'wil Āy al-Qur'ān*, Taqdīm Khalīl al-Mis, Dabt wa Tawthīq wa Tahkrij Sidqi Jamil al-Āttār, Jilid 8, Juzuk 25, t.c., Dār al-Taqdīm Khalīl al-Mis, Dabt wa Tawthīq wa Tahkrij Sidqi Jamil al-Āttār, Jilid 8, Juzuk 25, t.c., Dār al-Taqdīm Khalīl al-Mis, Dabt wa Tawthīq wa Tahkrij Sidqi Jamil al-Āttār, Jilid 8, hal. 57-58. Lihat juga, Ahmad Muṣṭafā al-Marāghī, *Tafsīr al-Marāghī*, Takhrīj, Bāsil Uyūn al-Sūd, Jilid 5, Dār al-Kutub al-Ilmiyyah, Beirut, 1998, hal. 301. Lihat juga, Muḥammad 'Alī al-Šābūnī, *Safwah al-Tafāsīr*, Jilid 2, Ḵalāl al-Kutub, Beirut, 1986, hal. 248.

⁴³al-Marāghī, *Tafsīr al-Marāghī*, Jilid 8, hal. 305. Lihat juga, al-Šābūnī, *Safwah al-Tafāsīr*, hal. 150.

⁴⁴al-Tabarī, *Jāmi' al-Bayān an Ta'wil Āy al-Qur'ān*, Taqdīm Khalīl al-Mis, Dabt wa Tawthīq wa Tahkrij Sidqi Jamil al-Āttār, Jilid 5, hal. 92.

⁴⁵Abū Abdillah, Muḥammad bin Aḥmad bin Abī Bakr al-Qurtubī, *al-Jāmi' li Aḥkām al-Qur'ān*, Tahqīq Aḥmad 'Abd al-'Alīm al-Bardūnī, Cet. 2, Jilid 10, Dār al-Sha'b, Kaherah, 1372H, hal. 237. *Ibid*, Jilid 4, hal. 60. Lihat juga, al-Marāghī, *Tafsīr al-Marāghī*, Jilid 4, hal. 410. *Ibid*, Jilid 1, hal. 502. Lihat juga, al-Šābūnī, *Safwah al-Tafāsīr*, Jilid 2, hal. 81. Dār al-Sha'b, Kaherah, 1372H, hal. 237. *Ibid*, Jilid 1, hal. 304.

Apabila diperhatikan pengertian *al-Qadā'* di atas, kesemuanya berkait rapat dengan ‘penentuan sesuatu perkara dan penyempurnaan’⁴⁶. Dengan kata lain, kesemua pengertian itu berada diperingkat terakhir atau di tahap pelaksanaan.

Perkataan *al-Qadā'* menurut kamus bahasa seperti *Lisān al-Arab*, *Mukhtār al-Sīhāh*, *al-Mujam al-Wasīt*, *Qatr al- al-Muhiṭ Qamūs Lughawī Muyassar* dan *al-Munjid fī al-Lughah wa al-Ālām* pula bererti keputusan atau hukum, memutuskan hukuman (terhadap dua orang yang berkelahi), pemberian kata putus, penciptaan, penyempurnaan (hajat), penyempurnaan hutang (pembayaran hutang) dan kematian (*Qadā' Naḥbah*)⁴⁷.

Pengertian di atas menunjukkan bahawa sesuatu perkara itu berada di penghujung atau di peringkat pelaksanaan. Kematian seseorang contohnya, telah berada di peringkat terakhir kehidupan. Jadi, *qada'* ialah praktikal bagi teori, penguatkuasaan bagi undang-undang, tindakan dan pelaksanaan bagi strategi.

2.2.2 Definisi Qadar

Terdapat banyak ayat yang mengandungi perkataan qadar atau perkataan lain yang terbit daripada kata dasar ini. Dalam mengupas pengertian qadar, dikemukakan beberapa ayat berpandukan tafsiran yang dibuat di dalam *Tafsīr al-Qāsimī*, *Tafsīr al-*

⁴⁶ Abd al-Karīm al-Khaṭīb, *al-Qadā' wa al-Qadar bayn al-Falsafah wa al-Dīn al-Jabr wa al-Ikhtiyār al-Asbāb wa al-Musabbabāt al-Khayr wa al-Sharr*, Dār al-Fikr al- Arabī, t.t.p, 1979, hal. 175.

⁴⁷ Abū al-Faḍl Jamāl al-Ālī Muhammad bin Mukram Ibn Manzūr, *Lisān al-Arab*, Jilid 15, Dār Ṣādīr, Beirut, 1990, hal. 186-189. Lihat juga, Muhammad bin Abī Bakr 'Abd al-Qādir al-Rāzī, *Mukhtār al-Sīhāh*, Dār al-Kutub al-Ilmiyyah, Beirut, 1990, hal 227-228. Lihat juga, _____, *al-Mujam al-Wasīt*, Cet. 3, Jilid 2, Mujamma' al-Lughah al-Arabīyyah, Kaherah, t.t., hal 771 . Lihat juga, Butrus al-Bustānī, *Qatr al- al-Muhiṭ Qamūs Lughawī Muyassar*, Cet. 3, Maktabah Lubnān, 1995, hal 485. Lihat juga, _____, *al-Munjid fī al-Lughah wa al-Ālām*, Cet. 34, Dār al-Mashriq, Beirut, 1994, hal 636.

Marāghī dan *Şafwah al-Tafsīr*. Penulis juga merujuk kepada kamus-kamus bahasa.

Firman Allah s.w.t.:

أَنْ أَعْمَلْ سَابِغَاتْ وَقُدرْ فِي السَّرْدٍ⁴⁸

Maksudnya: (*Serta Kami wahyukan kepadanya*): "Buatlah baju-baju besi yang luas labuh, dan sempurnakanlah jalinannya sekadar yang dikehendaki."⁴⁹

فَأَنْجِينَاهُ وَأَهْلَهُ إِلَّا امْرَأَهُ قَدْرَنَاهَا مِنَ الْغَابِرِينَ⁵⁰

Maksudnya: Lalu Kami selamatkan Nabi Lut dan keluarganya serta pengikut-pengikutnya, kecuali isterinya, Kami takdirkan dia menjadi dari golongan yang tertinggal dalam azab.⁵¹

وَأَنْزَلْنَا مِنَ السَّمَاءِ مَاءً بَقْدَرْ فَأَسْكَنَاهُ فِي الْأَرْضِ⁵²

Maksudnya: Dan Kami turunkan hujan dari langit dengan sukatan yang tertentu, serta Kami tempatkan dia tersimpan di bumi; dan sesungguhnya Kami sudah tentu berkuasa melenyapkannya.⁵³

وَالَّذِي قَدَرْ فَهْدَى⁵⁴

Maksudnya: Dan Yang telah mengatur (keadaan makhluk-makhluk-Nya) serta memberikan hidayah petunjuk (ke jalan keselamatannya dan kesempurnaananya).⁵⁵

مِنْ نَطْفَةِ خَلْقِهِ فَقِدْرَهِ⁵⁶

⁴⁸Sūrah Saba', 34:11.

⁴⁹al-Şābūnī, *Şafwah al-Tafsīr*, Jilid 2, hal. 866. Lihat juga, Muhammad Jamāl al-Dīn al-Qāsimī, *Tafsīr al-Qāsimī al-Musammā Mahāsin al-Ta'wil*, Tahqīq Muhammad Fu'ād 'Abd al-Bāqī, Itanā bih wa Shāhjahān Hishām Samīr al-Bukhārī, Jilid 6, t.c., Dār Ihyā' al-Turāth al-Arabi, Beirut, 1994, hal. 10.

⁵⁰Sūrah al-Naml, 27:57.

⁵¹Lihat juga, al-Şābūnī, *Şafwah al-Tafsīr*, hal. 179.

⁵²Sūrah al-Mu'minūn, 24:18.

⁵³al-Marāghī, *Tafsīr al-Marāghī*, Jilid 6, hal. 275. Lihat juga, al-Şābūnī, *Şafwah al-Tafsīr*, hal. 483. Lihat juga, al-Qāsimī, *Tafsīr al-Qāsimī al-Musammā Mahāsin al-Ta'wil*, Jilid 5, hal. 229.

⁵⁴Sūrah al-'A'lā, 87:3.

⁵⁵al-Marāghī, *Tafsīr al-Marāghī*, Jilid 10, hal. 396. Lihat juga, al-Tabarī, *Jāmi' al-Bayān 'an Ta'wil Ay al-Qur'a'n*, Jilid 12, hal. 534. Lihat juga al-Qāsimī, *Tafsīr al-Qāsimī al-Musammā Mahāsin al-Ta'wil*, Jilid 3, hal. 306.

Maksudnya: Dari air mani diciptakanNya, serta ditentukan keadaannya dengan persediaan untuk bertanggungjawab.⁵⁷

Apabila diteliti kesemua erti *al-Qadar* di atas⁵⁸, ia memberikan erti kadar (ukuran), takdir, sukatan, peraturan, penentuan dan ketentuan.

:

Setelah diteliti kamus-kamus bahasa, didapati *al-Qadar* bermaksud kadar atau ukuran (sesuatu)⁵⁹, memikir dan merancang (sesuatu urusan atau pekerjaan)⁶⁰, kias atau perbandingan (di antara suatu benda dengan yang lain)⁶¹, menyediakan dan menentukan waktu (bagi sesuatu).⁶²

Oleh kerana perkataan dalam bahasa Melayu ‘kadar’, sama dengan *al-qadar*, penulis telah merujuk pula Kamus Dewan. Menurut Kamus Dewan, ‘kadar’ bererti: perkiraan yang memberikan (menyatakan) sesuatu kuantiti, seperti kadar kelajuan dan kadar kematian - jumlah atau banyaknya bayaran yang dikenakan, seperti cukai pendapatan - perbezaan (berat, darjah, kuantiti, saiz) - harga, nilai, pangkat, taraf, darjah - lebih kurang, kira-kira.⁶³



⁵⁶Sūrah 'Abas, 80:19.

⁵⁷al-Šābūnī, *Ṣafwah al-Tafsīr*, Jilid 3, hal. 816. Lihat juga al-Qāsimī, *Tafsīr al-Qāsimī al-Musammā Mahāsin al-Ta'wil*, Jilid 7, hal. 261. Lihat juga, al-al-Marāghī, *Tafsīr al-Marāghī*, hal. 332.

⁵⁸Perkataan bergaris pada maksud ayat (*penulis*).

⁵⁹Ibn Manzūr, *Lisān al-Arab*, Jilid 5, hal. 76- 78. Lihat juga, al-Rāzi, *Mukhtār al-Ṣīḥāḥ*, hal 221. Lihat juga, _____, *al-Mu'jam al-Wasīṭ*, hal 745 . Lihat juga, Butrus al-Bustānī, *Qatr al-Muḥīṭ Qāmūs Lughawī Muyassar*, hal 458. Lihat juga, Mas'ūd, Jubrān, *al-Rā'iḍ*, Cet. 7, Dār al-Ilm li al-Malāiyin, Beirut, 1992, hal. 623.

⁶⁰Ibn Manzūr, *Lisān al-Arab*. Lihat juga, _____, *al-Mu'jam al-Wasīṭ*. Lihat juga, Butrus al-Bustānī, *Qatr al-Muḥīṭ Qāmūs Lughawī Muyassar*.

⁶¹Ibn Manzūr, *Lisān al-Arab*. Lihat juga, _____, *al-Mu'jam al-Wasīṭ*. Lihat juga, Mas'ūd, Jubrān, *al-Rā'iḍ*, hal. 623.

⁶²_____, *al-Mu'jam al-Wasīṭ*. Lihat juga, Mas'ūd, Jubrān, *al-Rā'iḍ*, hal. 623.

⁶³Hajah Noresah binti Bahrom *et al.*, *Kamus Dewan (Edisi Tiga)*, Cet. 9, Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka, Selangor, 1998, hal. 556.

AS10789696

Daripada pengertian di atas, dapat disimpulkan bahawa qadar ialah suatu proses permulaan bagi setiap makhluk sebelum penciptaan mereka. Qadar bermaksud ketentuan atau sukatan azali bagi setiap makhluk yang tertulis di Luh Mahfuz. Sukatan tersebut meliputi seluruh aspek mengenai makhluk seperti bentuk, saiz, kuantiti, kualiti, masa, persamaan, perbezaan, hukum sebab dan kesan serta segala yang berkaitan dengannya.

Pengertian di atas menjelaskan bahawa qadar mendahului qada'. Skop qadar juga lebih luas daripada qada' kerana qadar adalah sistem peraturan yang telah ditetapkan kepada sekalian makhluk sejak azali. Qada' pula merupakan pelaksanaan bagi setiap peraturan yang ditetapkan mengikut masa tertentu. 'Alī al-Tanṭāwī, menjelaskan perbezaan tersebut dengan mengatakan, bagi seorang arkitek, pengertian qadar dibandingkan dengan pelan yang disediakan bagi membina sebuah bangunan. Pengertian qada' pula dibandingkan dengan kerja pembinaan yang dilakukan kontraktor mengikut perancangan tersebut.⁶⁴ Andainya kerja pembinaan tidak dilakukan mengikut perancangan atau sukatan tersebut, tidak tercapailah hasrat yang dikehendaki.

2.3 Kesimpulan

Daripada pengertian di atas, dapatlah disimpulkan sebagaimana kenyataan Za'ba iaitu qadar dan qada' ialah 'sukatan' kebolehan tertentu yang terdapat pada tabiat makhluk. Di samping itu terdapat juga peraturan tetap yang mesti diikuti bagi

⁶⁴ Alī al-Tanṭāwī, *Tarīf 'Ām bi Dīn al-Islām al-Juz' al-Awwal fī al-'Aqīdah*, Cet. 6, Mu'assasah al-Risālah, Beirut, 1974, hal. 152. Qadar juga boleh dibandingkan dengan pernyataan gaji dan qada' pula diibaratkan seperti pemberian gaji itu sendiri. Sila lihat, HOMPEJSUNNAH, Lawh al-Mahfuz dan Ummul al-Kitab, http://members.nbc.com/_XMC/sunnah/sejis.htm, 26 Feb 2001.

menghasilkan tujuan tersebut.⁶⁵ Bolch juga dikatakan bahawa qada' dan qadar adalah peraturan sebab dan kesan yang telah ditetapkan sejak azali. Peraturan tersebut mengambil kira segala aspek berkaitan dengan maujudat. Sesiapa yang mengikut peraturan tersebut layaklah mendapat hasil atau tujuan yang telah ditetapkan.

:

Menurut Za'ba lagi, ringkasnya, takdir ialah kaedah peraturan alam.⁶⁶ Maksud ini sama seperti yang dinyatakan oleh al-Khaṭīb. Menurutnya, bolehlah digambarkan (andainya betul), qadar ialah sebab-sebab yang Allah bekalkan kepada semua makhluk. Andainya sebab itu wujud, lahirlah kesannya. Sebagai contoh, api adalah sebab yang melahirkan kesan panas atau membakar. Apabila api dihidupkan, ia menghasilkan cahaya dan kehangatan. Ia membakar sesuatu yang boleh terbakar. Jadi, setiap maujudat ada qadarnya iaitu sebab. Apabila sebab-sebab pada suatu maujud berinteraksi dengan sebab-sebab pada maujud lain, akan lahirlah kesan tertentu. Proses interaksi yang melahirkan kesan itu dinamakan qada'.⁶⁷

2.4 Erti Beriman Kepada Qada' dan Qadar

Setiap muslim wajib beriman kepada qada' dan qadar sebagaimana dijelaskan oleh al-Quran dan Hadis.⁶⁸ Menurut al-Sayyid Muḥammad Siddīq Ḥasan al-Qanūī

⁶⁵Za'ba, *Falsafah Takdir*, suntingan Hamdan Hasan, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1980, hal. 34-35.

⁶⁶Za'ba, *Falsafah Takdir*, suntingan Hamdan Hasan, hal. 36.

⁶⁷al-Khaṭīb, *al-Qada' wa al-Qadar bayn al-Falsafah wa al-Dīn*, hal. 178.

⁶⁸Kerana hakikat qada' dan qadar itu adalah rahsia Allah yang tidak diketahui oleh sesiapapun, sekalipun nabi atau malaikat. Jalan untuk mengetahuinya bersifat *tawqīfī* melalui al-Quran dan Sunnah. Sesiaapa yang menggali permasalahan ini dengan lebih mendalam akan mengalami kekusutan dan kebingungan serta tidak mendapat ketenangan jiwa dan ketenangan hati. Lihat, Abū Zakariyyā Yahyā bin Sharaf al-Nawawī, *Sharḥ al-Nawawī 'alā Ṣaḥīḥ Muslim*, Jilid 16, hal. 196. Lihat juga, Abū al-Fadl Aḥmad bin 'Alī bin Hajar al-Asqalānī al-Shāfi'i, *Fatḥ al-Bārī*, Tahqīq Muḥammad Fu'ād Abd al-Bāqī, Jilid 11, t.c., Dār al-Ma'rifa, Beirut 1379H, hal. 477. Lihat juga, Muḥammad bin Abd al-Baqī bin Yūsuf al-Zarqānī, *Sharḥ al-Zarqānī 'alā Muwaṭṭa' al-Imām Mālik*, Jilid 4, Dār al-Kutub al-Ilmiyyah, Beirut, 1411H, hal. 303. Lihat juga, Abd al-Rahmān bin Abī Bakr al-Suyū'i, *al-Dībāj*, Tahqīq Abū Ishāq al-

qada' dan qadar. Baginda merasa amat marah sehingga muka beliau menjadi merah dan kedua biji matanya merah menyala lalu bersabda:

أهذا أمرت أم هذا أرسلت إليكم إنا هلك من كان قبلكم حين تنازعوا في هذا الأمر
عزمت عليكم ألا تتنازعوا فيه⁷²

✿

Maksudnya: "Apakah kamu diperintah untuk (berbahas dan berbalah-balahan tentang) perkara ini, atau aku diutuskan kepada kamu untuk (berbahas dan berbalah-balahan tentang) perkara ini?" "Sesungguhnya mereka yang terdahulu daripada kamu rosak binasa adalah kerana (berbahas dan berbalah-balahan tentang) perkara ini. Aku bersumpah (perintahkan) agar kamu tidak lagi berbahas dan berbalah-balahan tentangnya."

Di dalam hadis lain setelah Rasulullah melihat perkara itu beliau bersabda:

هذا أمرتم أو هذا خلقتم تضربون القرآن بعضه بعض هذا هلكت الأمم قبلكم⁷³

Maksudnya: "Mengapakah kamu semua melaga-lagakan di antara ayat-ayat di dalam kitab Allah? Mereka yang terdahulu daripada kamu menjadi rosak binasa adalah kerana perkara ini.



Maksudnya: "(Ia adalah) suatu yang Allah s.w.t. tidak ingin kamu mengetahuinya, oleh itu janganlah kamu menginginkan sesuatu yang Allah tidak ingin berikan kepada kamu". Ibnu Abbas pernah berkata: ما علما أحد في القرآن إلا خرج من الإيمان

Maksudnya: "Tidaklah seseorang itu melampau dalam (membincangkan tentang) al-qadar kecuali ia terkeluar daripada iman". Lihat, Abu Bakr bin al-Husayn al-Ājurri, *al-Shari'ah*, Tahqiq Muhammad Hamid, hal. 202, 235 dan 213. Walau bagaimanapun, perbincangan mengenai qada' dan qadar demikian menghasilkan penjelasan dan memahaminya mengikut ajaran *al-Quran* dan *al-Sunnah* tidaklah menjadi suatu kesalahan. Lihat, al-Khaṭīb, *al-Qada' wa al-Qadar bayn al-Falsafah wa al-Dīn*, hal. 270. Lihat juga, Ishak Din, Harun Din, *Permasalahan Akidah Tauhid Pegangan Setiap Muslim*, Cet. 2, Dar Nu'man, Kuala Lumpur, 1995, hal. 143.

⁷²al-Tirmidhi, *Sunan al-Tirmidhi*, Tahqiq Ahmad Muhammad Shakir wa Ākharūn, Juzuk 4, Kitāb al-Qadar, hadis no, 2133, hal. 443.

⁷³Ibn Majah Muhammad bin Yazid al-Qazwini, *Sunan Ibn Majah*, Tahqiq, Muhammad Fu'ad Abd al-Baqi, Juzuk 1, t.c., Bāb fi al-Qadar, hadis no. 85, Dār al-Fikr, Beirut, t.t., hal. 33. Lihat juga, Ahmad bin Abi Bakr bin Ismā'il al-Kināni, *Miṣbāḥ al-Zujājāh*, Tahqiq Muhammad al-Muntaqā al-Kashnawī, Cet. 2, Juzuk 1, Dār al-Arabiyah, Beirut, 1403H, hal.14.

2.5 Tahap Beriman Kepada Qada' dan Qadar⁷⁴

Bila seorang muslim beriman kepada qada' dan qadar, dia juga mestilah beriman kepada empat peringkat yang berkaitan dengannya iaitu: Beriman kepada ilmu Allah s.w.t. yang bersifat menyeluruh, beriman kepada penulisan takdir di Luh Mahfuz, beriman kepada *mashi'ah* (kehendak) Allah s.w.t. pasti terlaksana dan beriman bahawa Allah s.w.t. pencipta segala sesuatu.

2.5.1 Tahap Pertama: Mengimani Bahawa Ilmu Allah s.w.t. Bersifat Menyeluruh

Terdapat banyak ayat al-Quran dan Hadis Rasulullah s.a.w. yang memperkatakan tentang ilmu Allah s.w.t. yang bersifat menyeluruh dan meliputi segala maujudat. Allah mengetahui segala yang telah dan akan berlaku, mengetahui bagaimana terjadinya sesuatu yang belum terjadi, mengetahui apa yang ada dan yang tiada dan mengetahui apa yang mungkin atau mustahil berlaku. Allah s.w.t. juga mengetahui segala sesuatu tentang hamba-hamba-Nya seperti ajal, rezeki, gerak dan diam, bahagia dan celaka, ahli syurga dan neraka. Allah mengetahuinya sebelum

⁷⁴Untuk memperincikan tajuk ini sila lihat, al-Shaykh Hāfiẓ bin Aḥmad al-Hakāmī, *Ma’ārij al-Qabūl*, Tahqīq Tāhā Abd al-Ra’ūf Sa’d, Juzuk 2, t.c., Dār Iḥbān Khaldūn, Iskandariyyah, t.t., hal. 222-227 dan 235. Lihat juga, Ibn al-Qayyim Muḥammad bin Abi Bakr al-Jawziyyah, *Shifā’ al-Allāh fi Mas’alat al-Qadā’ wa al-Qadar wa al-Ihkāmah wa al-Ta’līl*, Tahqīq Muḥammad Badr al-Dīn, t.c., Dār al-Fikr, Beirut, 1398H, hal 29-33. Lihat juga, Umar Sulaymān al-Ashqar, *al-Qadā’ wa al-Qadar*, Cet. 2, Dār al-Nafā’is, Kuwait, 1990, hal. 29-36. Lihat juga, Muḥammad Nāim Yāsīn, *al-Imān Arkānuh Ḥaqiqatuh Nawāqiḍuh*, t.c., Dār al-Furqān, Oman, 1995, hal. 110-113. Lihat juga, Markaz Qaṭr li al-Ta’rif bi al-Islām, al-Imān bi al-Qadar, http://www.islam.gov.qa/arabic/qcp/qcp_aqeedah_fat_7.htm, 27 Februari 2001. Lihat juga, al-Saḥāḥāt, al-Imān bi al-Qadā’ wa al-Qadar ‘id al-Firqah al-Nājiyah (Ahl al-Sunnah wa al-Jamā’ah), <http://www.alsaha.com/sahat/Forum2/HTML/002419.html>, 23 Februari 2001.

penciptaan manusia, langit dan bumi dan makhluk-makhluk lain.⁷⁵ Di sini penulis membawa beberapa contoh ayat dan hadis berkenaan:

Sūrah al-Baqarah, 2:30:

Maksudnya: *Dan (ingatlah) ketika Tuhanmu berfirman kepada Malaikat; "Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di bumi". Mereka bertanya (tentang hikmat ketetapan Tuhan itu dengan berkata): "Adakah Engkau (Ya Tuhan kami) hendak menjadikan di bumi itu orang yang akan membuat bencana dan menumpahkan darah (berbunuh-bunuhan), padahal kami sentiasa bertasbih dengan memuji-Mu dan mensucikan-Mu?". Tuhan berfirman: "Sesungguhnya Aku mengetahui akan apa yang kamu tidak mengetahuinya".*

Menurut Ibnu Abbas (m.687M/67H)⁷⁶, Mujahid (m.722M/104H)⁷⁷ dan al-Suddī (m.798M/178H)⁷⁸, Allah s.w.t. mengetahui bahawa iblis mempunyai sifat ingin menentang dan menderhaka⁷⁹ lalu Allah ingin menzahirkan kejahatan iblis tersebut.⁸⁰

⁷⁵ Abd al-Aziz Muhammad al-Salmān, *al-Kawāshif al-Jaliyyah ‘an Ma āni al-Wāsiṭiyah*, t.c., Mu’assasah Makkah li al-Tibāh wa al-I lām, t.t.p., t.t., hal. 366-367.

⁷⁶ Seorang sahabat Rasulullah yang amat mendalamai ilmu tafsir dan seorang ahli fatwa. Nama sebenarnya beliau ialah Abdulah bin Abbas bin Abdul Muttalib al-Qurashi al-Hashimi. Beliau terkenal dengan gelaran Turjuman al-Quran (penterjemah atau juru bahasa al-Quran). Beliau adalah sepupu Rasulullah s.a.w. yang dilahirkan dua tahun sebelum penghijrahan ke Madinah iaitu pada tahun 619 Masihi. Selain daripada ahli dalam bidang tafsir dan fatwa, beliau juga pakar dalam bidang bahasa Arab, syair dan sejarah Arab. Beliau telah meriwayatkan sebanyak 1,660 buah hadis. Ibnu Abbas meninggal dunia pada tahun 687 Masihi di Taif. Lihat, Maznah Awang et al., *Ensiklopedia Islam*, Jilid 4, hal. 247-248.

⁷⁷ Seorang ahli tafsir pada zaman tabi'in. Nama beliau ialah Mujahid bin Jabr. Lahir pada tahun 21 Hijrah semasa pemerintahan Saidina Umar bin al-Khattab. Mengikut pendapat yang paling masyhur, beliau wafat di Mekah dalam keadaan sujud pada tahun 104 Hijrah. Ketika itu beliau berusia 83 tahun. Lihat Muhammad Husayn al-Dhababi, *al-Tafsīr wa al-Mufassirūn*, Juzuk 1, t.c., Maktabah Wahbah, Kaherah, 1995, hal. 113.

⁷⁸ Beliau ialah Ismail bin 'Abd al-Rahman al-A'war, menetap di Kufah. Beliau berpengetahuan luas mengenai al-Quran dan mendapat sanjungan ramai. Beliau meninggal pada tahun 128H. Lihat nota kaki, Abū al-Muẓaffar al-Asfarāyīnī, *al-Tabṣīr fī al-Dīn wa Ḥamīḍ al-Fīrqah al-Nājjiyah ‘an al-Fīraq al-Hālikīn*, Tahqīq Kamāl Yūsuf al-Hūt, ‘Ālam al-Kutub, Beirut, 1983, hal. 191. Lihat juga, Muhammad bin Ismā'il Abū Abdillah al-Bukhārī, *al-Tārīkh al-Kabīr*, Tahqīq al-Sayyid Hāshim al-Nadawī, Juzuk 1, Dār al-Fikr, t.t.p., t.t., hal 361.

⁷⁹ al-Baghdādī, Abū al-Faraj, Jamāl al-Dīn 'Abd al-Rahmān bin 'Alī al-Qurashi, *Zād al-Masīr fī Ilm al-Tafsīr*, Juzuk 1, Cet. 4, al-Maktab al-Islāmī, Beirut, 1987, hal. 61.

⁸⁰ al-Sa'dī, 'Abd al-Rahmān Nāṣir *Taysīr al-Karīm al-Rāḥmān fī Tafsīr Kalām al-Mannān*, Haqqqaqah wa Dabaṭah wa Nassaqah wa Ṣalḥahah Muhammad Zuhri al-Najjār, Juzuk 1, Cet. 2, ‘Ālam al-Kutub, Beirut, 1993, hal. 57.

Imam al-Baghawi⁷ (m.1124M/518H).⁸¹ pula telah menukarkan beberapa tafsiran bagi ayat ^{أَعْلَمُ مَا لَا تَعْلَمُونَ}⁸² seperti berikut:

- (i) Tuhan mengetahui bahawa di kalangan zuriat nabi Adam terdapat mereka yang taat kepada-Nya iaitu para nabi, wali-wali, dan orang-orang salih.
- (ii) Tuhan mengetahui bahawa di kalangan malaikat ada yang akan menderhaka kepada-Nya iaitu iblis.
- (iii) Tuhan mengetahui bahawa hamba-hamba-Nya akan melakukan dosa dan Dia akan mengampunkannya.⁸³

Sūrah Luqmān, 31:34:

*Maksudnya: Sesungguhnya di sisi Allah pengetahuan yang tepat tentang hari kiamat. Dan Dialah juga yang memurunkan hujan, dan yang mengetahui dengan sebenar-benarnya tentang apa yang ada dalam rahim (ibu yang mengandung). Dan tiada seseorang pun yang betul mengetahui apa yang akan diusahakannya esok (sama ada baik atau jahat); dan tiada seorangpun yang dapat mengetahui di bumi negeri manakah ia akan mati. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Amat Meliputi pengetahuan-Nya.*⁸⁴

Kata Ibnu Abbas: Lima perkara yang tersebut di dalam ayat di atas tidak diketahui oleh sesiapa walaupun nabi dan malaikat sendiri.⁸⁵

⁸¹Beliau adalah tokoh Mazhab Syafie dan pentafsir al-Quran yang terkenal. Beliau juga dikenali sebagai al-Farrā' dan digelar Rukn al-Din dan Muhy al-Sunnah. Guru ilmu fikah beliau ialah qadi al-Husayn, seorang yang warak. Di antara karya beliau ialah *Maṣābiḥ al-Sunnah* iaitu kitab hadis. Banyak ulama yang mensyarahkan kitab ini termasuklah *al-Qazwīnī* (1344M) yang memberi tajuk *Sharḥ Maṣābiḥ al-Sunnah*. Ada pendapat mengatakan beliau meninggal dunia pada tahun 1244 Masihi. Sila lihat, Maznah Awang et al., *Ensiklopedia Islam*, Jilid 1, hal. 122-123.

⁸²Maksudnya: Tuhan berfirman: "Sesungguhnya Aku mengetahui akan apa yang kamu tidak mengetahuinya", Sūrah al-Baqarah, 2:30.

⁸³al-Husyn bin Mas'ūd al-Farrā' al-Baghawī, *Ma`ālim al-Tanzīl fī al-Tafsīr wa al-Ta'wīl*, Jilid 1, t.c., Dār al-Fikr, Beirut, 1980, hal. 62.

⁸⁴Ibid, Jilid 4, hal. 417.

⁸⁵al-Baghdādi, *Zād al-Masīr fī `Ilm al-Tafsīr*, Jilid 5, hal. 331.

مفاتيح الغيب حسن لا يعلمها إلا الله لا يعلم ما تغيب الأرحام إلا الله ولا يعلم ما في غد إلا الله ولا يعلم من يأتي المطر أحد إلا الله ولا تدرى نفس بأي أرض ثورت إلا الله ولا يعلم من تقوم الساعة إلا الله⁸⁶

Maksudnya: "Kunci ilmu ghaib ada lima. Hanya Allah yang mengetahuinya. Tidak seorangpun mengetahui apa yang terdapat di dalam rahim kecuali Allah, tidak diketahui sesuatu (yang akan terjadi) pada keesokan hari kecuali Allah. Tidak seorangpun mengetahui bilakah hujan akan turun kecuali Allah, satu jiwapun tidak mengetahui di manakah dia akan mati kecuali Allah dan seorangpun tidak mengetahui bilakah terjadinya kiamat kecuali Allah".

Sūrah Saba', 34:3:

Maksudnya: Demi Tuhanmu yang mengetahui segala perkara yang ghaib, (hari kiamat itu sesungguhnya akan datang kepada kamu)". Tiada tersembunyi dari pengetahuan-Nya barang seberat debu yang ada di langit atau di bumi, dan tidak ada yang lebih kecil dari itu atau yang lebih besar melainkan semuanya tertulis di dalam Kitab yang terang nyata.⁸⁷

Ibnu Abbas berkata:

سُئلَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنْ أَطْفَالِ الْمُشْرِكِينَ قَالَ اللَّهُ أَعْلَمُ بِمَا كَانُوا عَامِلِينَ⁸⁸

Maksudnya: Nabi s.a.w. ditanya mengenai (kesudahan) anak-anak orang musyrikin lalu beliau menjawab: "Allah lebih mengetahui apa yang mereka lakukan".

⁸⁶ Muhammad bin Ismā'īl Abū Abdillah al-Bukhārī, *Šaḥīḥ al-Bukhārī*, Tahqīq Muṣṭafā Dīb al-Bughā, Cet. 3, Jilid 4, hadis no. 4420, Dār Ibn Kathīr, Beirut, 1987, hal. 1733. Lihat juga, Muḥammad bin Ḥibbān bin Abī Ḥātim al-Tamīmī, *Šaḥīḥ Ibn Ḥibbān*, Tahqīq Shu ayb al-Arnā'ūt, Cet 2, Juzuk 1, Kitāb al-Ilm, hadis no. 71, Mu'assasah al-Risālah, Beirut, 1993, hal. 273. Lihat juga, Abū al-Hasan Ali bin Abī Bakr al-Haythamī, *Mawārid al-Zam'ān*, Tahqīq Muḥammad Abd al-Razzāq Ḥamzah, Jilid 1, t.c., Sūrah Luqmān, hadis no. 754, Dār al-Kutub al-Ilmiyyah, Beirut, t.t., hal 434.

⁸⁷ Sila lihat, Maḥmūd bin 'Umar bin Muḥammad al-Zamakhsharī, *al-Kashshāf*, Rattabah wa Dabatah wa Saḥḥahahuh Muḥammad 'Abd al-Sālām Shāhīn, Dār al-Kutub al-Ilmiyyah, Beirut, 1995, hal. 551. – wa Saḥḥahahuh Muḥammad 'Abd al-Sālām Shāhīn, Dār al-Kutub al-Ilmiyyah, Beirut, 1995, hal. 551. –

⁸⁸ Muslim bin al-Hajjāj Abū al-Husayn al-Qushayrī, *Šaḥīḥ Muslim*, Tahqīq Muḥammad Fu'ād Abd al-Bāqī, Jilid 4, t.c., Bāb Ma nā Kull Mawlūd Yūlad alā al-Fitrāh, hadis no. 2659, Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabī, Beirut, t.t., hal. 2049. Lihat juga, al-Bukhārī, *Šaḥīḥ al-Bukhārī*, Tahqīq Muṣṭafā Dīb al-Bughā, Jilid 1, Cet. 3, Bāb mā Qīl fī Awlād al-Mushrikīn, hadis no. 1317, hal. 465.

Menurut Ibn Taymiyyah (m.661H-728H),⁸⁹ maksud ‘Allah lebih mengetahui apa yang mereka lakukan’ ialah Allah mengetahui apa yang akan mereka lakukan andainya mereka baligh.⁹⁰

Sabda Rasulullah s.a.w.:

إِنَّ الْعَالَمَ الَّذِي قُتِلَهُ الْخَضْرُ طَبَعَ كَافِرًا وَلَوْ عَاهَ لَأْرَهَنَّ أَبْوَيْهِ طَغْيَانًا وَ كَفْرًا⁹¹

Maksudnya: “Sesungguhnya budak yang dibunuh Khadir telah dijadikan sebagai seorang kafir. Andainya dia hidup nescaya dia akan memaksa ibubapanya melampaui had dan kufur”.

2.5.2 Tahap kedua: Mengimani Bahawa Segala Sesuatu Hingga ke Hari Kiamat Tertulis di Lawh al-Mahfuz⁹²

Banyak ayat al-Quran dan hadis yang menceritakan tentang penulisan takdir di Luh Mahfuz. Sebahagian daripada nas tersebut diperturunkan di sini:

Sūrah al-Hajj, 22:70:

Maksudnya: Bukankah engkau telah mengetahui bahawasanya Allah mengetahui segala yang ada di langit dan di bumi? Sesungguhnya yang demikian itu ada tertulis di dalam Kitab (Lawh Mahfuz); sesungguhnya hal itu amatlah mudah bagi Allah.⁹³

⁸⁹Beliau ialah Ahmad Taqīy al-Dīn Abu al-Abbas bin al-Shaykh Shihab al-Dīn Abi al-Mahasin Abd al-Halīm bin al-Shaykh Majd al-Dīn Abi al-Barakat Abd al-Salām bin Abi Muhammād Abd Allāh bin Abi al-Qasīm al-Khidir bin 'Alī bin 'Abd Allāh. Keluarga beliau dikenali dengan keluarga Ibn Taymiyyah. Beliau dilahirkan di Harrān pada tahun 661H. Lihat, Abū Zuhrah, Muhammād, *Ibn Taymiyyah-Hayātuh wa 'Aṣruh Ārā'uh wa Fiqhuh*, t.c., Dār al-Fikr al-'Arabi, Kaherah, t.t., hal. 17.

⁹⁰Ibn Taymiyyah, Ahmad, *Majmū' Fatawā*, Jam' wa Tarīb 'Abd al-Rahmān bin Muhammād, Jilid 8, Dār 'Ālam al-Kutub, Riyad, 1991, hal. 69.

⁹¹Muslim, *Ṣaḥīḥ Muslim*, Tahqīq Muhammād Fu'ād 'Abd al-Bāqī, hadis no. 2661, hal. 2050. Lihat juga, Abū Dawūd al-Sajistāni Sulaymān bin al-Ash'ath, *Sunan Abī Dāwūd*, Tahqīq Muhammād Muhyī al-Dīn 'Abd al-Jamīd, Jilid 4, t.c., Dār al-Fikr, t.t.p., hadis no. 4705, t.t., hal. 227. Lihat juga al-Turmidī, Muhammād bin 'Isā, *Sunan al-Turmidī*, Tahqīq Ahmad Muhammād Shākir wa Ākharūn, Juzuk 5, t.c., al-Qadar, hadis no. 3150, Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabi, Beirut, t.t., hal. 312.

⁹²al-Salmān, *al-Kawāshif al-Jaliyyah an Ma āni al-Wāsiṭiyyah*, hal. 370. Lihat juga, al-Ājurri, *al-Sharī'ah*, Tahqīq Muhammād Hamid, Dār al-Kutub al-Ilmiyyah, Beirut, 1983, hal. 177-179.

⁹³Sila lihat, al-Burūsuwi Ismā'il Haqqī, *Tanwīr al-Adh'hān fī Tafsīr Rūh al-Bayān*, Ikhtisār wa Tahqīq Muhammād 'Alī al-Šābūnī, Jilid 3, Dār al-Qalam, Dimashq, 1988, hal. 24.

Sūrah Yāsīn, 36:12.:

Maksudnya: Dan (ingatlah) tiap-tiap sesuatu kami catitkan satu persatu dalam Kitab (ibu Suratan) yang jelas nyata.

Ibu suratan yang dimaksudkan ialah Luh Mahfuz.⁹⁴

Sūrah al-Zukhruf, 43:4:

Maksudnya: Dan sesungguhnya al-Quran itu dalam Ibu Suratan di sisi Kami - sangat tinggi (kemuliaannya), lagi amat banyak mengandungi hikmat dan kebenaran yang tetap kukuh.

Sūrah al-Tūr, 52:1-3.:

Maksudnya: Demi Gunung Tursina; Dan demi Kitab yang tertulis dengan rapi pada lembaran surat yang terbuka.

Sūrah al-Burūj, 85:21-22.:

Maksudnya: (Sebenarnya apa yang engkau sampaikan kepada mereka bukanlah syair atau sihir), bahkan ialah Al-Quran yang tertinggi kemuliaannya; (Lagi yang terpelihara dengan sebaik-baiknya) pada Luh Mahfuz.

Rasulullah s.a.w. bersabda:

كتب الله مقدار الخلاائق قبل أن يخلق السماوات والأرض بخمسين ألف سنة⁹⁵

Maksudnya: Allah telah menulis segala takdir makhluk lima puluh ribu tahun sebelum Dia menjadikan langit dan bumi.



2.5.3 Tahap ketiga: Mengimani Bahawa Tiada Penghalang Bagi *Mashi'ah* Allah s.w.t.

Tahap ketiga beriman dengan qada' dan qadar ialah beriktikad bahawa *mashi'ah* (kehendak) Allah s.w.t. tidak dapat dihalang oleh apa jua. Apa yang

⁹⁴*Ibid.*, hal. 525.

⁹⁵Muslim, *Ṣaḥīḥ Muslim*, Taḥqīq Muḥammad Fu'ād 'Abd al-Bāqī, Bāb Hijāj Ādam wa Mūsā, hadis no. 2653, hal. 2044.

dikehendaki-Nya pasti terjadi dan apa yang tidak dikehendaki-Nya tidak terjadi⁹⁶. Di antara nas yang menyatakan perkara ini ialah:

Sūrah al-An`ām, 6:39:

Maksudnya: Sesiapa yang Allah kehendaki: akan disesatkannya (menurut peraturan tetapNya), dan sesiapa yang Ia kehendaki: akan dijadikannya atas jalan yang betul lurus.

Sūrah al-An`ām, 6:111:

Maksudnya: Dan jika Kami turunkan malaikat pun kepada mereka, dan orang-orang yang mati (hidup semula lalu) berkata-kata dengan mereka, dan kami himpukkan pula tiap-tiap sesuatu di hadapan mereka (untuk menjadi saksi tentang kebenaran Nabi Muhammad), nescaya mereka tidak juga akan beriman, kecuali jika dikehendaki Allah; tetapi kebanyakan mereka tidak mengetahui (hakikat yang sebenar).

Sūrah al-An`ām, 6:112:

Maksudnya: Dan jika Tuhanmu menghendaki, tentulah mereka tidak melakukannya.

Menurut tafsiran ayat ini, andainya Allah kehendaki nescaya Dia akan menghalang syaitan daripada memperdayakan manusia.⁹⁷

Sūrah al-Baqarah, 2:253:

Maksudnya: Dan kalau Allah menghendaki tentulah mereka tidak berbunuh-bunuhan; tetapi Allah melakukan apa yang dikehendaki-Nya.

Sūrah al-Mā' idah, 5:48:

Maksudnya: Dan kalau Allah menghendaki nescaya Ia menjadikan kamu satu umat (yang bersatu dalam syariat yang satu).

Sūrah al-An`ām, 6:35:

Maksudnya: Dan sekiranya Allah menghendaki, tentulah ia himpukkan mereka atas hidayah petunjuk.

⁹⁶al-Salmān, *al-Kawāshif al-Jaliyyah an Ma`ani al-Wāsiṭiyyah*, hal. 375. Lihat juga, al-Ājurri, *al-Shari`ah*, Taḥqīq Muḥammad Ḥamid, hal.159-168.

⁹⁷Ibid.

Ayat di atas bermaksud Allah tidak memberi petunjuk kepada mereka kerana sebab-sebab atau hikmat-hikmat tertentu.⁹⁸

2.5.4 Tahap keempat: Mengimani Bahawa Allah s.w.t. Pencipta Segala Maujudat

Tahap terakhir beriman dengan qada' dan qadar ialah beriktikad bahawa hanya Allah s.w.t. yang berkuasa mencipta segala sesuatu. Tiada seorangpun yang berhak campur tangan dalam penciptaan-Nya. Di antara nas yang menjadi dalil kenyataan ini ialah:

Sūrah al-Zumar, 39:62.

Maksudnya: Allah adalah Pencipta tiap-tiap sesuatu.

Sūrah Yāsīn, 36:81.

Maksudnya: Ya! Diakui dan dipercayai berkuasa! Dan Dialah Pencipta yang tidak ada bandingan-Nya, lagi Yang Maha Mengetahui.

Sūrah al-An`ām, 6:1:

Maksudnya: Segala puji tertentu bagi Allah yang menciptakan langit dan bumi, dan menjadikan gelap dan terang.

Sūrah al-Anbiyā', 21:33:

Maksudnya: Dan Dialah (Tuhan) yang telah menjadikan malam dan siang, serta matahari dan bulan; tiap-tiap satunya beredar terapung-apung di tempat edaran masing-masing (di angkasa lepas).

⁹⁸Abū Bakr Jābir al-Jazā'irī, *Aysar al-Tafsīr li al-Kalām al-'Aliyy al-Kabīr wa bi Hāmishih Nahr al-Khayr*, Dār al-Salām, Jilid 2, t.c., Kaherah, 1992, hal. 54.

2.6 Peringkat Penetapan Takdir⁹⁹

Apabila diteliti nas yang berkaitan dengan penetapan takdir, ia dapat diklasifikasikan kepada beberapa peringkat; takdir azali, takdir sebelum kejadian manusia, takdir di dalam rāhim, takdir tahunan di malam *al-Qadar* dan takdir harian. Beberapa dalil yang berkaitan dengan peringkat tersebut diperturunkan di sini. Penulis berpendapat, ia telah mencukupi bagi mewakili dalil-dalil qada' dan qadar keseluruhannya.

2.6.1 Takdir azali

Di antara dalil penetapan takdir sebelum kejadian langit dan bumi ialah:

Sūrah al-Tawbah, 9:51.

Maksudnya: Katakanlah (wahai Muhammad): "Tidak sekali-kali akan menimpa kami sesuatu pun melainkan apa yang telah ditetapkan Allah bagi kami. Dia lah Pelindung yang menyelamatkan kami, dan (dengan kepercayaan itu) maka kepada Allah jualah hendaknya orang-orang yang beriman bertawakal".

Sūrah al-Hadīd, 57:22.

Maksudnya: Tidak ada sesuatu kesusahan (atau bala bencana) yang ditimpakan di bumi, dan tidak juga yang menimpa diri kamu, melainkan telah sedia ada di dalam Kitab (pengetahuan Kami) sebelum Kami menjadikannya; sesungguhnya mengadakan yang demikian itu adalah mudah bagi Allah.

⁹⁹Untuk pendetailan tentang tajuk ini sila rujuk, al-Hakamī, *Ma'ārij al-Qabūl*, Taḥqīq Tāhā 'Abd al-Ra'ūf Sa'd, hal. 227-235.

احتج آدم وموسى عليهما السلام عند رجئلاً فحج آدم موسى أنت آدم
الذى خلقك الله بيده ونفع فيك من روحه وأسجد لك ملائكته وأسكنك في جنته
ثم أهبطت الناس بخطيتك إلى الأرض فقال آدم أنت موسى الذي اصطفاك الله
برسالته وبكلامه وأعطيك الألواح فيها تبيان كل شيء وقربك فغبياً فيكم وحدث الله
كتب التوراة قبل أن أخلق قال موسى بأربعين عاماً قال آدم فهل وجدت فيها
(وعصى آدم ربه فغوى) قال نعم قال أقتلوني على أن عملت عملاً كتبه الله على
أن أعمله قبل أن يخلقني بأربعين سنة قال رسول الله صلى الله عليه وسلم فحج
آدم موسى 100

Maksudnya: "(Nabi) Adam dan (Nabi) Musa saling berhujah di hadapan Allah s.w.t. lalu (nabi) Adam mematahkan hujah (Nabi) Musa." Kata Musa: "Engkau adalah (Nabi) Adam yang dicipta Allah dengan tangan-Nya, ditiup kepadamu daripada ruh-Nya, disuruh malaikat sujud kepadamu dan diletakkan engkau di dalam syurga-Nya." Kemudian, dengan kesalahanmu, engkau telah menyebabkan manusia turun ke bumi." Balas (Nabi) Adam: "Engkau adalah (Nabi) Musa yang yang dipilih Allah s.w.t. dengan risalah-Nya dan kalam-Nya, diberikan kepadamu lawh-lawh, di dalamnya terdapat penjelasan kepada segala sesuatu dan didekatkan engkau kepada-Nya ketika munajat." "Berapa lamakah Allah menulis kitab Taurat sebelum saya diciptakan?" Jawab (Nabi) Musa: "40 tahun". (Nabi) Adam bertanya: "Adakah engkau bertemu ayat ^{وَعَصَى آدَمْ رَبَّهُ فَغَوِيَ}¹⁰⁰ di dalamnya?" Jawab (Nabi) Musa: "Ya". Kata (Nabi) Adam: "(Kalau begitu) kenapa engkau mencela (menyalahkan aku) aku kerana perbuatan yang aku lakukan sedangkan ia telah ditulis (ditakdirkan) terjadi sejak 40 tahun sebelum aku dicipta?" Kata Rasulullah s.a.w.: "(Dengan itu) (Nabi) Adam telah mematahkan hujah (Nabi) Musa".

¹⁰⁰ Muslim, *Šaḥīḥ Muslim*, Taḥqīq Muḥammad Fu’ād Abd al-Bāqī, Bāb Ḥijāj Ādām wa Mūsā, hadis no. 2652, hal. 2049. Lihat juga, al-Bukhārī, *Šaḥīḥ al-Bukhārī*, Taḥqīq Muṣṭafā Dīb al-Bughā, Jilid 6, Bāb Qawluh wa Kallam Allah Mūsā Taklīmā, hadis no. 7078, hal. 2730. Lihat juga, al-Turmidī, *Sunan al-Turmidī*, Taḥqīq Aḥmad Muḥammad Shākir wa Ākharūn, Juzuk 4, al-Qadar, hadis no. 2134, hal. 444.

¹⁰¹ Sūrah Tāhā, 20:121. Maksudnya: "(Dan dengan itu) derhalalah Adam kepada Tuhaninya, lalu tersalah jalan (dari mencapai hajatnya).

'Ubādah bin al-Şāmit (m.654M/33H)¹⁰² pernah memberitahu anaknya dengan berkata:

يَا بْنَ إِنْكَ لَنْ تَجِدْ طَعْمَ حَقِيقَةِ الإِيمَانِ حَتَّى تَعْلَمَ أَنَّ مَا أَصَابَكَ لَمْ يَكُنْ لِيَخْطُنَكَ وَمَا أَخْطَأْكَ لَمْ يَكُنْ لِيَصِيبَكَ سَمِعْتَ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ إِنَّ أَوَّلَ مَا خَلَقَ اللَّهُ الْقَلْمَنْ فَقَالَ لَهُ أَكْتُبْ رَبِّي وَمَاذَا أَكْتُبْ قَالَ اكْتُبْ مَقَادِيرَ كُلِّ شَيْءٍ حَتَّى تَقُومَ السَّاعَةُ يَا بْنَ إِنْ سَمِعْتَ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ مِنْ مَاتَ عَلَى غَيْرِ هَذَا فَلِيَسْ مَيِّ¹⁰³

Maksudnya: "Wahai anakku, engkau tidak akan merasai hakikat keimanan sehingga engkau menyakini bahawa sesuatu yang (telah ditentukan) menimpamu tidak akan menyimpang daripadamu dan sesuatu yang (telah ditentukan) menyimpang daripadamu tidak akan menimpamu. Aku mendengar Rasulullah s.a.w. bersabda: "Sesungguhnya Allah mencipta al-Qalam mula-mula sekali dan berfirman kepada danya: Tulislah. Tanya al-Qalam: Apakah yang patut aku tulis? Firman Allah: Tulislah takdir segala sesuatu sehingga terjadinya kiamat. Wahai anakku, aku mendengar Rasulullah bersabda lagi: Sesiapa yang mati (dengan iktikad) selain daripada (iktikad) ini, dia bukan daripada (golongan) aku."

Ayat dan hadis di atas jelas menunjukkan bahawa takdir yang ditetapkan itu adalah sebelum langit dan bumi dijadikan.

¹⁰² Sahabat yang nama dan keturunan beliau ialah 'Ubādah bin al-Şāmit bin Qays bin Ashram bin Fibr bin Thalabah bin Qawqal bin Ghannim bin 'Awf bin Amr bin 'Awf bin Khazraj al-Ansāri. Abū al-Walid adalah kunyaah beliau. Ibunya ialah Qurra'at al-'Ayn binti 'Ubādah bin Nadlah bin al-'Ajlan. Beliau terlibat dalam perjanjian Aqabah pertama dan kedua, menyertai kesemua peperangan bersama Rasulullah dan pengumpul al-Quran pada masa nabi. Pernah beliau dilantik oleh Rasulullah sebagai amil zakat dan juga guru al-Quran. Beliau meriwayatkan sebanyak 181 buah hadis. Beliau meninggal dunia di Ramallah pada tahun 654 Masihi ketika berusia 72 tahun. Sila lihat, Maznah Awang, Azhari Ibrahim, Mohd. Razip Ahmad Jadi, et.al, *Ensiklopedia Islam*, Jilid 11, hal. 73.

¹⁰³ al-Maqdisī, Abū Abdillah Muḥammad bin Abd al-Wāhid bin Alḥamad al-Ḥanbālī, *al-Āḥādīth al-Mukhtārah*, Tahqīq Abū Mālik bin Abddillah, Jilid 8, hadis no. 336, Maktabah al-Nahḍah al-Hadithah, Makkah al-Mukarramah, 1410H, hal. 274, Lihat juga, Abū Dawūd, *Sunan Abī Dawūd*, Tahqīq Muḥammad Muhy al-Dīn Abd al-Ḥamid, hadis no. 4700, hal 225.

2.6.2 Takdir Sebelum Manusia Dijadikan

Nas-nas berkaitan penetapan takdir sebelum penciptaan manusia adalah seperti berikut:

Sabda Rasulullah s.a.w:

ما منكم من أحد ما من نفس منفوسه إلا وقد كتب الله مكافها من الجنة والنار وإن قد كتبت شقية أو سعيدة قال فقال رجل يا رسول الله أفالاً غرست على كتابنا وندع العمل فقال من كان من أهل السعادة فسيصير إلى عمل أهل السعادة ومن كان من أهل الشقاوة فسيصير إلى عمل أهل الشقاوة فقال اعملوا بكل ميسر وأهلاً للسعادة فييسرون لعمل أهل السعادة وأما أهل الشقاوة فييسرون لعمل أهل الشقاوة ثم قرأ (فَأُمَّا مَنْ أُعْطِيَ وَاتَّقَى وَصَدَقَ بِالْحَسْنَى فَسَيَسْرِهُ الْلَّيْسَرِي وَأُمَّا مَنْ يَخْلُ وَاسْتَغْنَى وَكَذَبَ بِالْحَسْنَى فَسَيَنْسِرُهُ الْعَسْرِي¹⁰⁴)¹⁰⁵

Maksudnya: "Tidak seorangpun daripada kalangan kamu yang bernafas kecuali Allah telah tentukan tempatnya di syurga dan neraka dan telah ditulis sebagai celaka atau bahagia. Beliau berkata lagi: lalu seorang lelaki bertanya: "Wahai Rasulullah, kenapa kita tidak menunggu sahaja apa yang telah tertulis dan meninggalkan amal?" Jawab Rasulullah: "Sesiapa yang berada dalam golongan orang yang (ditentukan) bahagia maka dia akan melakukan amalan orang yang (ditentukan) bahagia dan sesiapa yang berada dalam golongan orang yang (ditentukan celaka) maka dia akan melakukan amalan orang yang (ditentukan celaka)." Sambung rasulullah lagi: "Beramai-ramai kerana setiap orang dipermudahkan (untuk melakukan sesuatu amalan). Orang yang bahagia dipermudahkan melakukan amalan mereka yang bahagia dan orang yang celaka dipermudahkan melakukan amalan mereka yang celaka." Kemudian Rasulullah membaca (ayat yang bermaksud): Adapun orang yang memberikan apa yang ada padanya ke jalan kebaikan dan bertaqwa (mengerjakan suruhan Allah dan meninggalkan segala laranganNya), serta ia mengakui dengan yakin akan perkara yang baik, Maka sesungguhnya Kami akan memberikannya kemudahan untuk mendapat kesenangan (Syurga). Sebaliknya: orang yang bakhil (daripada berbuat kebajikan) dan merasa cukup dengan kekayaan dan kemewahannya, serta ia mendustakan perkara yang baik, Maka sesungguhnya Kami akan memberikannya kemudahan untuk mendapat kesusahan dan kesengsaraan.

¹⁰⁴Surah al-Layl, 92:5-9.

¹⁰⁵Muslim, *Šaḥīḥ Muslim*, Tahqīq Muḥammad Fu’ād ‘Abd al-Bāqī, hadis no. 2647, hal. 2039. Lihat juga, Ibn Ḥibbān, *Šaḥīḥ Ibn Ḥibbān*, Tahqīq Shu’ayb al-Armā’ūt.

Abū al-Aswad al-Du'ālī (m.688M/68H)¹⁰⁶ berkata:

قال لي عمران ابن الحصين أرأيت ما يعمل الناس اليوم ويكتدحون فيه أشيء قضي عليهم ومضى عليهم من قدر ما سبق أو فيما يستقبلون به مما أتاهم به نبيهم وثبتت الحجة عليهم فقلت بل شيء قضي عليهم ومضى عليهم قال فقال أفالا يكون ظلما قال ففرع عن ذلك فرعا شديدا وقلت كل شيء خلق الله وفلك يده فلا يسأل عما يفعل وهو يسألون فقال لي يرحمك الله إني لم أرد بما سألك إلا لأحرز عقلك إن رجلين من مزينة أتيا رسول الله صلى الله عليه وسلم فقالا يا رسول الله أرأيت ما يفعل الناس اليوم ويكتدحون فيه أشيء قضي عليهم ومضى عليهم فيهم من قدر ما سبق أو فيما يستقبلون به مما أتاهم به نبيهم وثبتت الحجة عليهم فقال لا بل شيء قضي عليهم ومضى عليهم وتصديق ذلك في كتاب الله عز وجل (ونفس وما سواها فألمتها فجورها وتقوها)¹⁰⁷)

Maksudnya: 'Imrān bin al-Ḥusayn bertanya kepadaku: "Apakah pendapatmu tentang pekerjaan yang dilakukan dan diusahakan oleh orang ramai sekarang ini? Adakah ia suatu pelaksanaan kepada takdir yang telah ditetapkan kepada mereka sejak dahulu atau suatu yang akan mereka hadapi yang juga diterangkan oleh nabi mereka dan mereka terikat dengan hujah tersebut? Lalu aku menjawab: "Sudah tentu apa yang telah tentu berlaku kepada mereka. Beliau bertanya lagi: "Tidakkah itu suatu kezaliman? Aku amat terkejut dengan pertanyaan beliau lalu aku berkata: "Segala sesuatu adalah makhluk Allah dan milik-Nya, tidak patut dipersoalkan tentang apa yang dilakukan-Nya, mereka lah (manusia) yang akan ditanya". Beliau pun berkata: "Semoga Allah merahmatimu, pertanyaan aku tadi hanyalah untuk mengawasi pemikiramu (supaya tidak menyeleweng daripada jawapan sebenar). Sesungguhnya dua orang lelaki dari Muzainah datang berjumpa Rasulullah s.a.w. dan berkata: "Wahai Rasulullah, apakah pendapatmu tentang pekerjaan yang dilakukan dan diusahakan oleh orang ramai

¹⁰⁶Beliau dilahirkan pada tahun 605 Masihi. Abu al-Aswad adalah seorang pakar bahasa Arab, pencipta baris pada al-Quran dan pengasas Ilmu Tatabahasa Arab. Daripada ide beliau usaha selanjutnya telah dilakukan sehingga terbentuklah ilmu Nahu sebagaimana yang ada sekarang. Beliau juga menghasilkan kumpulan puisi. Abu al-Aswad meninggal dunia pada tahun 688 masih hidup kerana penyakit sampar. Sila lihat, Maznah Awang, Azhari Ibrahim, Mohd. Razip Ahmad Jadi, et.al, *Ensiklopedia Islam*, Jilid 1, hal. 151. Lihat juga, *Ensiklopedia Malaysiana*, Jilid 1, hal. 103-104.

¹⁰⁷Sūrah al-Shams, 91:7-8.

¹⁰⁸Muslim, *Ṣaḥīḥ Muslim*, Tahqīq Muhammad Fu'ād Abū al-Bāqī, hadis no. 2650, hal. 2041. Lihat juga, Ibrāhīm Hibbān, *Ṣaḥīḥ Ibn Hibbān*, Tahqīq Shu'ayb al-Arnā'ūt, Juzuk 14, Kitāb al-Ilm, hadis no. 6182, hal. 61. Lihat juga, al-Lālakā'ī, Hibah Allāh bin al-Ḥasan bin Manṣūr, *Itiqād Ahl al-Sunnah*, Tahqīq Ahmad Sa'd Hamdān, Jilid 2, t.c., hadis no. 953, Dār Tayyibah, Riyadh, 1402H, hal. 544. Lihat juga, al-Turmidī, *Sunan al-Turmidī*, Tahqīq Al-Ḥamad Muḥammad Shākir wa Ākharūn, hadis no. 2136, hal. 388.

sekarang ini? Adakah ia suatu pelaksanaan kepada takdir yang telah ditetapkan kepada mereka sejak dahulu atau suatu yang akan mereka hadapi yang juga diterangkan oleh nabi mereka dan mereka terikat dengan hujah tersebut? Lalu beliau menjawab: "Sudah tentu apa yang telah tentu berlaku kepada mereka. Kebenaran perkara itu terdapat pada firman Allah s.w.t. yang bermaksud: Demi diri manusia dan Yang menyempurnakan kejadiannya (dengan kelengkapan yang sesuai dengan keadaannya); Serta mengilhamkannya (untuk mengenal) jalan yang membawanya kepada kejahatan, dan yang membawanya kepada bertaqwa.

Saidina Umar r.a. pernah ditanya mengenai ayat :

(وَإِذْ أَخَذَ رَبُّكَ مِنْ بَنِي آدَمَ مِنْ ظُهُورِهِمْ ذُرِّيَّتَهُمْ وَأَشَهَدُهُمْ عَلَىٰ أَنفُسِهِمْ أَلْسُتْ
بربكم قالوا بل شهدنا أن نقولوا يوم القيمة إنما كنا عن هذا غافلين)¹⁰⁹

Jawab Saidina Umar:

سمعت رسول الله صلى الله عليه وسلم يسأل عنها فقال رسول الله صلى الله عليه وسلم إن الله خلق آدم ثم مسح ظهره بيديه فأخرج منه ذرية فقال خلقت هؤلاء للجنة ويعمل أهل الجنة يعملون ثم مسح ظهره فاستخرج منه ذرية فقال خلقت هؤلاء للنار ويعمل أهل النار يعملون فقال رجل يا رسول الله ففيما العمل قال فقال رسول الله صلى الله عليه وسلم إن الله إذا خلق العبد للجنة استعمله بعمل أهل الجنة حتى يموت على عمل من أعمال أهل الجنة فيدخله الله الجنة وإذا خلق العبد للنار استعمله بعمل أهل النار حتى يموت على عمل من أعمال أهل النار فيدخله الله النار¹¹⁰

Maksudnya: "Aku pernah mendengar Rasulullah s.a.w. ditanya mengenainya lalu jawab beliau: "Sesungguhnya Allah s.w.t. menjadikan Adam kemudian menyapu belakangnya dengan yamin-Nya lalu Dia mengeluarkan daripadanya zuriat dan brfisiran: "Aku jadikan mereka

¹⁰⁹ Surah al-A'rāf, 7:172. Maksudnya: Dan (ingatlah wahai Muhammad) ketika Tuhanmu mengeluarkan zuriat anak-anak Adam (turun-temurun) dari (tulang) belakang mereka, dan la jadikan mereka saksi terhadap diri mereka sendiri, (ambil la bertanya dengan firmanNya): "Bukankah Aku tuhan kamu?" Mereka semua menjawab: "Benar (Engkaulah Tuhan kami), kami menjadi saksi". Yang demikian supaya kamu tidak berkata pada hari kiamat kelak: "Sesungguhnya kami adalah laila (tidak diberi peringatan) tentang (hakikat tauhid) ini".

¹¹⁰ Ibn Ḥibbān, Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān, Taḥqīq Shu'ayb al-Ārūn'ūt, hadis no. 61, hal. 38. Lihat juga, al-Hākim, Abū Abdillah Muḥammad bin Abdillah al-Naysābūrī, al-Muṣṭadrak alā al-Ṣaḥīḥayn, Taḥqīq Muṣṭafā 'Abd al-Qādir 'Atā, Juzuk 2, Kitāb Tawārikh al-Mutaqaddimīn min al-Anbiyā' wa al-Mursalīn, hadis no. 4001, Dār al-Kutub al-Ilmiyyah, Beirut, 1990, hal. 294. Lihat juga, al-Turmidī, Sunan al-Turmidī, Taḥqīq Alḥamad Muḥammad Shākir wa Ākharūn, Juzuk 5, Bab wa miin Sūrah al-An'ām, hadis no, 3075, hal. 266.

untuk (memasuki) syurga dan mereka akan melakukan amalan ahli syurga. Kemudian Dia menyapu belakangnya dengan yamin-Nya lalu Dia mengeluarkan daripadanya zuriat dan berfirman: "Aku jadikan mereka untuk (memasuki) neraka dan mereka akan melakukan amalan ahli neraka". Ketika itu bertanya seorang lelaki: "Wahai Rasulullah, (kalau begitu) untuk apa amalan (dilakukan)?" Jawab Rasulullah s.a.w.: "Sesungguhnya apabila Allah menjadikan seseorang untuk (memasuki) syurga, Dia akan menjadikan hamba tersebut melakukan amalan ahli syurga hingga dia mati dengan amalan ahli syurga lalu Allah memasukkannya ke dalam syurga. Dan apabila Allah menjadikan seseorang untuk (memasuki) neraka, Dia akan menjadikan hamba tersebut melakukan amalan ahli neraka hingga dia mati dengan amalan ahli neraka lalu Allah memasukkannya ke dalam neraka.

2.6.3 Takdir Di Dalam Rahim¹¹¹

Sabda Rasulullah s.a.w:

إِنَّ أَحَدَكُمْ يَجْمِعُ خَلْقَهُ فِي بَطْنِ أُمِّهِ أَرْبَعِينَ يَوْمًا ثُمَّ يَكُونُ مَضْعُوفًا مُثْلَ ذَلِكَ ثُمَّ يَعْثُثُ اللَّهُ مُلْكًا فَيُؤْمِرُ بِأَرْبِعَ كَلِمَاتٍ وَيَقَالُ لَهُ أَكْتُبْ عَمَلَهُ وَرِزْقَهُ وَأَجْلَهُ وَشَقِّيَّهُ أَوْ سَعِيدَهُ ثُمَّ يَنْفَخُ فِيهِ الرُّوحُ فَإِنَّ الرَّجُلَ مِنْكُمْ لَيَعْمَلُ حَتَّىٰ مَا يَكُونُ بَيْنَ الْجَنَّةِ إِلَّا ذَرَاعَ فَيُسَبِّقُ عَلَيْهِ كَاتِبَهُ فَيَعْمَلُ بِعَمَلِ أَهْلِ النَّارِ وَيَعْمَلُ حَتَّىٰ مَا يَكُونُ بَيْنَهُ وَبَيْنَ النَّارِ إِلَّا ذَرَاعَ فَيُسَبِّقُ عَلَيْهِ الْكِتَابَ فَيَعْمَلُ بِعَمَلِ أَهْلِ الْجَنَّةِ¹¹²

Maksudnya: "Sesungguhnya kejadian seseorang itu dikumpulkan di dalam perut ibunya selama empat puluh hari. Sebaik sahaja genap empat puluh hari kedua terbentuklah segumpal darah beku. Manakala genap empat puluh hari ketiga bertukar pula menjadi seketul daging. Kemudian Allah mengutuskan malaikat lalu diperintahkan menulis empat perkara. Dikatakan kepadanya (malaikat), tulislah rezekinya, tempoh kematiannya, amalannya serta nasibnya sama ada mendapat kecelakaan atau kebahagiaan. Kemudian ditupukan roh kepadanya. Sesungguhnya seorang lelaki daripada kalangan kamu melakukan amalan (baik) sehingga lalah jaraknya dengan syurga tinggal seesta

¹¹¹al-Hadīth al-Thānī, http://www.markazdawa.org/Arabic/hadeeth_arbaaoon.htm, 23 Februari 2001.

¹¹²al-Bukhari, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Taḥqīq Muṣṭafā Dīb al-Bughā, Jilid 3, Bāb Dhikr al-Malā'ikah, hadis no. 3036, hal. 1174. Lihat juga, Ibn Abd al-Barr, Abū Umar Yūsuf bin Abdullah, *al-Tamhīd li Ibn Abd al-Barr*, Taḥqīq Muṣṭafā bin Ahmad al-Alawī, Jilid 18, t.c., Wazārah Umūn al-Awqāf wa al-Shū'ān al-Islamiyyah, al-Maghrib, 1387H, hal. 101. Lihat juga, al-Mabārkāfūri, Abū al-'Ulā Muḥammad Abd al-Rahmān bin Abd al-Rahim, *Tuhfat al-Āhwādhī*, Jilid 6, t.c., al-Qadar, t.t., hal. 285-286.

tetapi ketetapan telah mendahuluinya lalu dia melakukan pula amalan ahli neraka. (Dan) dia melakukan amalan (jahat) sehingga laraknya dengan neraka tinggal sehasta tetapi ketetapan telah mendahuluinya lalu dia melakukan pula amalan ahli syurga”.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

قال ثم يدخل الملك على النطفة بعد ما تستقر في الرحم باربعين أو خمسة وأربعين ليلة فيقول يا رب أشقي أو سعيد فيكتابان فيقول أي رب أذكر أو أنتي فيكتابان ١١٣ ويكتب عمله وأثره وأجله ورزقه ثم تطوى الصحف فلا يزاد فيها ولا ينقص

Maksudnya: “Selaras empat puluh atau empat puluh lima hari air mani berada di dalam rahim, malaikat mengunjunginya lalu berkata: “Wahai Tuhan, adakah (dia) seorang yang celaka atau bahagia?” Lalu ia ditulis. Wahai Tuhan, adakah (dia) seorang lelaki atau perempuan?, lalu ditulis. Ditulis juga amalannya, peninggalannya, ajalnya, dan rezekinya kemudian dilipat lembaran itu tanpa penambahan dan pengurangan.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

قال إذا أراد الله بعد خيرا استعمله قال فقيل كيف يستعمله
قال يوفقه لعمل صالح قبل الموت ١١٤

Maksudnya: “Apabila Allah inginkan kebaikan kepada hamba-Nya Dia akan menjadikannya seorang yang beramal. Ditanya: Bagaimana Allah menjadikannya seorang yang beramal wahai Rasulullah? Jawab Rasulullah: Allah akan memberi taufik kepadanya melakukan amalan baik sebelum meninggal dunia”.

¹¹³ Muslim, *Sahīḥ Muslim*, Tahqīq Muḥammad Fu’ād ’Abd al-Bāqī, hadis no. 2644, hal. 2037. Lihat juga, Abū Abdillah Muḥammad bin Abī Bakr Ayyūb al-Zarī, *Hashiyat Ibn al-Qayyim*, Cet 2, Jilid 12, Dār al-Kutub al-Ilmiyyah, Beirut, 1995, hal. 311. Lihat juga, al-Nawawi, *Sharḥ al-Nawawī ʻalā Ṣaḥīḥ Muslim*, Cet. 2, Jilid 16, Dār Iḥyā’ al-Turāth al-Arabi, 1392H, hal. 189-190.

¹¹⁴ al-Hākim, *al-Mustadrak ʻala al-Ṣaḥīḥayn*, Tahqīq Muṣṭafā ’Abd al-Qādir Atā, Juzuk 2, hadis no. 1257, hal. 490. Lihat juga, al-Maqdīsī *al-Āhādīth al-Mukhtārah*, Tahqīq Abd al-Mālik bin Abdillah, Juzuk 6, hadis no. 1978, hal. 25. Lihat juga, al-Lālakā’ī, *Iḥiqād Ahl al-Sunnah*, Tahqīq Ahmad Sa d Hamdān, Jilid 2, hadis no. 1089, hal. 610.

إِنَّ الرَّجُلَ لِيَعْمَلَ الزَّمْنَ الطَّوِيلَ بِعَمَلِ أَهْلِ الْجَنَّةِ ثُمَّ يَخْتَمُ لَهُ عَمَلُهُ بِعَمَلِ أَهْلِ النَّارِ وَإِنَّ
الرَّجُلَ لِيَعْمَلَ الزَّمْنَ الطَّوِيلَ بِعَمَلِ أَهْلِ النَّارِ ثُمَّ يَخْتَمُ لَهُ عَمَلُهُ بِعَمَلِ أَهْلِ الْجَنَّةِ¹¹⁵

Maksudnya: "Sesungguhnya seorang lelaki sekian lama melakukan amalan ahli syurga (tetapi) kemudianya disudahi amalan tersebut dengan amalan ahli neraka. Dan sesungguhnya seorang lelaki sekian lama melakukan amalan ahli neraka (tetapi) kemudiannya disudahi amalan tersebut dengan amalan ahli syurga".

2.6.4 Takdir Tahunan di Malam al-Qadar

Dalil penetapan takdir di peringkat ini adalah seperti berikut:

Sūrah al-Dukhān, 44:1-5.

Maksudnya: *Ha-Mim. Demi Al-Quran Kitab yang menerangkan kebenaran. Sesungguhnya Kami telah menurunkan Al-Quran itu pada malam yang berkat; (Kami berbuat demikian) kerana sesungguhnya Kami sentiasa memberi peringatan dan amaran (jangan hamba-hamba Kami ditimpah azab). (Kami menurunkan al-Quran pada malam yang tersebut, kerana) pada malam yang berkat itu, dijelaskan tiap-tiap perkara yang mengandungi hikmat serta tetap berlaku, (tidak berubah atau bertukar). Iaitu perkara-perkara yang terbitnya dari hikmat kebijaksanaan Kami; sesungguhnya telah menjadi adat Kami mengutus Rasul.*



Malam berkat yang dimaksudkan itu ialah malam al-Qadar sebagaimana Allah s.w.t. jelaskan dengan firman-Nya, *Sūrah al-Qadr*, 97:1.

Maksudnya: *Sesungguhnya Kami telah menurunkan (al-Quran) ini pada Malam al-Qadar.*

¹¹⁵ Muslim, *Šaḥīḥ Muslim*, Kitāb al-Qadar, Tahqīq Muḥammad Fu'ad Abd al-Bāqī, Juzuk 4, hadis no. 2651, hal 2042. Lihat juga, Ibn Ḥibbān, *Šaḥīḥ Ibn Ḥibbān*, Tahqīq Shu'ayb al-Arnā'ūt, Kitāb al-Ilm, Juzuk 14, hadis no. 6176, hal. 51.

Pada malam itu ditetapkan kejadian setahun seperti yang berkaitan dengan mati, kelahiran, kemuliaan, kehinaan, ajal, cita-cita, rezeki, musibah, kebaikan, keburukan, haji, pekerjaan dan penciptaan.¹¹⁶

2.6.5 Takdir Harjan

Dalil penetapan takdir di peringkat ini adalah seperti berikut:

Sūrah al-Rāḥmān, 55:29.

Maksudnya: Sekalian makhluk yang ada di langit dan di bumi sentiasa berhajat dan memohon kepadaNya. Tiap-tiap masa Ia di dalam urusan.

Menurut al-Ṭabarī, urusan yang dimaksudkan di dalam ayat tersebut ialah menghidup dan mematikan, melepaskan kesusahan, mengangkat darjat sesuatu kaum dan menjatuhkan yang lain, memakbulkan doa, memberi apa yang dipinta, membebaskan hamba, menyembuhkan yang sakit, menerima taubat, mengampunkan dosa dan mencipta makhluk.¹¹⁷



¹¹⁶Sila lihat, al-Ṭabarī, *Jāmi' al-Bayān 'An Ta'wīl Āy al-Qur'ān*, Taqdim Khalil al-Mis, Ḫabṭ wa Tawthiq wa Tahkrij, Sidqi Jamil al-Attār, Jilid 13, hal. 139-140. Lihat juga, al-Baghdādī, *Zād al-Masīr fi Ilm al-Tafsīr*, Jilid 7, hal. 338. Lihat juga al-Baghdādī, *Zād al-Masīr fi Ilm al-Tafsīr*, Jilid 5, hal. 111.

¹¹⁷Sila lihat, al-Ṭabarī, *Jāmi' al-Bayān 'An Ta'wīl Āy al-Qur'ān*, Taqdim Khalil al-Mis, Ḫabṭ wa Tawthiq wa Tahkrij, Sidqi Jamil al-Attār, Juzuk 27, ha 1. 174-176., Lihat juga al-Baghdādī, *Zād al-Masīr fi Ilm al-Tafsīr*, Jilid 8, hal. 114., al-Farrā', *Ma 'ālim al-Tanzīl fī al-Tafsīr wa al-Ta'wīl*, hal. 417. hal. 274.

2.7 Aliran Pemikiran Mengenai *Afāl al-`Ibād*¹¹⁸

Menurut `Abd al-Ḥalīm Maḥmūd, setelah Muawiah bin Abi Sufyan memerintah, beliau dan khalifah Bani Umayyah selepasnya menggalakkan perkembangan aliran *al-Jābāriyyah*. Propaganda ini mencetuskan tindak balas rakyat.¹¹⁹ Menurut riwayat Imam Muslim (m.875M/261H),¹²⁰ Ma`bad bin Khalid al-Juhānī (m.699M/80H)¹²¹ adalah orang yang pertama memperkatakan tentang takdir di Basrah¹²². Beliau ingin mempertahankan syariat tetapi slogan yang digunakan terlalu sempit, iaitu لا قدر و الأمر افت ¹²³. Menurut al-Ḥakamī (m.1377M/778H) dan `Abd al-Qāhir al-Bağhdādī (m.1038M/429H), pendapat *al-Qadariyyah* ini disokong oleh

¹¹⁸Bagi penambahan maklumat menganai tajuk ini sila lihat, al-Qaḍā' wa al-Qadar, <http://www.tasbeeh.com/ourfaith/ourfaithIndonesia3.htm>, 26 Februari 2001. Lihat juga, al-Madkhāl fi 'Aqīdah Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah, http://www.attasia.org/alminhaj/iss4/derast_1.htm, 27 Februari 2001. Lihat juga, Free Will and Predestination, <http://members.home.net/arshad/freewill.html>, 17 Jun 2000. Lihat juga, Tawheed, <http://islamroots/homepage.com/faith/02.htm>, 13 Jun 2000. Penulis akan perincikan tajuk ini pada Bab Ketiga ketika membincangkan permasalahan qada' dan qadar. Di situ pendapat *al-Jabariyyah* dan *al-Qadariyyah* akan dibahaskan berdasarkan aliran *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah*.

¹¹⁹Abd al-Ḥalīm Maḥmūd, *al-Tafkīr al-Falsafī fī al-Islām*, Cet. 2, Dār al-Ma'ārif, Kaherah, t.t., hal. 145-146.

¹²⁰Seorang tokoh hadis terkemuka yang dilahirkan di Nisabur iaitu sebuah pekan ke'el di timur laut Iran pada 820 Masihi dan meninggal dunia pada tahun 875 Masihi. Nama beliau ialah Abū Ḥusayn Muslim bin al-Hajjāj al-Qushayrī. Karya beliau yang terkenal ialah *Jāmi'* al-Ṣaḥīḥ. Lihat, Maznah Awang *et al.*, *Ensiklopedia Islam*, Jilid 5, hal. 83-84.

¹²¹Beliau adalah pengasas aliran *al-Qadariyyah*. Nama sebenarnya ialah Ma`bad bin Khālid al-Juhānī. Lahir di Basrah kemudian mengembara ke kota-kota besar negara Islam hingga sampai ke Damsyik. Beliau dikatakan orang pertama mencetuskan pendapat bahawa manusia bebas untuk melakukan apa sahaja. Ma`bad akhirnya dihukum bunuh oleh penguasa Damsyik pada tahun 699 Masihi. Lihat, Maznah Awang *et.al.*, *Ensiklopedia Islam*, Jilid 6, hal. 132.

¹²²Ibn Hajar al-Asqalānī, *Fatḥ al-Bārī*, Tahqīq Muḥammad Fu'ād `Abd al-Bāqī, Jilid 1, hal. 118.

¹²³Maksudnya: Tidak ada takdir, sesuatu itu bermula dengan kudrat manusia. `Abd al-Ḥalīm Maḥmūd, *al-Tafkīr al-Falsafī fī al-Islām*, hal. 146. Lihat juga, lihat, Muslim, *Ṣaḥīḥ Muslim*, Kitāb al-Īmān, Tahqīq Muḥammad Fu'ād `Abd al-Bāqī, hadis no. 8, hal. 36. Lihat juga, al-Turmidī, *Sunan al-Turmidī*, Tahqīq Aḥmad Muḥammad Shākir wa Ākharūn, Juzuk 5, al-Qadar, hadis no. 2610, hal. 6. Lihat juga, Abū Bakr Aḥmad bin Ḥusayn al-Bayhaqī, *Shāfi` al-Īmān*, Tahqīq Muḥammad al-Sā'iṣ Basyūnī Zaghlūl, Juzuk 1, t.c., Dār al-Kutub al-Ilmiyyah, Beirut, 1990, hal. 201. Lihat juga, Abū Sulaymān Hammād bin Muḥammad al-Khaṭṭābī, *Takhrij wa Tarqīm Abū al-Salām Abū al-Shāfi`i, Ma'ālim al-Sunan Sharḥ Sunan Abī Dāwūd*, Jilid 3, Juzuk 4, Dār al-Kutub al-Ilmiyyah, Beirut, 1991, hal. 294.

pemuka *al-Mu'tazilah* iaitu Wasil bin 'Ata' (m.749M/131H)¹²⁴ dan 'Amr bin 'Ubayd (m.761M/144H)¹²⁵ Setelah Ma'bad al-Juhani mati dibunuh oleh al-Hajjaj (m.714M/95H)¹²⁶, Ghaylān pula menyebarkannya di Damsyik. sehinggalah mati dibunuh oleh Hisyam bin Abdul Malik yang memerintah dari tahun 724M/106H-743M/126H.¹²⁷

Setelah golongan *al-Qadadariyyah* ekstrim dengan pandangannya, al-Jahm bin Safwan (m.745M/128H)¹²⁸ dari Khurasan menyebarkan fahaman *al-Jabariyyah*. Beliau akhirnya dibunuh dalam perperangan ketika mengikut al-Hārith bin Suray menentang Bani Umayyah. Pendapat yang beliau perjuangkan diambil daripada al-Ja'd

¹²⁴Pelopor aliran Muktazilah yang bergelar Abu Hudhayfah al-Ghazzal. Beliau dilahirkan di Madinah pada tahun 700 Masihi. Kemudian beliau berhijrah ke Basrah dan berguru dengan Hasan al-Basri. Beliau tidak bersetuju dengan gurunya Hasan al-Basri dalam beberapa hal lalu membentuk alirannya sendiri yang dikenali dengan aliran Muktazilah. Akibat terpengaruh dengan falsafah dan pemikiran Yunani, Wasil dan rakan-rakannya dianggap sebagai golongan rasionalis kerana terlalu berpegang kepada peranan analik fikiran. Mereka lebih mengutamakan ajaran daripada nas al-Quran dan hadis. Ide dan pemikiran rasional ini telah berkembang dengan pesatnya di Irak sehingga terdapat khalifah Abbasiah yang menganut fahaman ini termasuklah al-Makmun, al-Muktasim dan al-Wathiq. Di antara ulama yang sangat terpengaruh dengan aliran Muktazilah ialah Sibawayh (pelopor nahu dan tatabahasa Arab), Zamakhshari (pengarang tafsir al-Kashshaf) dan Ibn Abi Hadid (pengarang Nahj al-Balaghah). Sila lihat, Maznah Awang et al., *Ensiklopedia Islam*, Jilid II, hal. 215-216. Lihat juga, Abd al-Qāhir al-Baghdādī, *al-Farq bayn al-Firaq wa Bayān al-Firqah al-Nājiyah Minhūm*, Tahqīq Lajnah Ihyā' al-Turāth al-Ārabi, Dār al-Jayl, Beirut, 1987, hal. 96-100. Beliau berpendapat tidak harus dinisbahkan kejahatan kepada Allah kerana Allah Mahu Bijaksana. Beliau juga berpendapat tidak harus Allah s.w.t. menghendaki sesuatu berlawanan dengan apa yang diperintahkan oleh-Nya. Tidak harus juga Allah menetapkan sesuatu kepada hamba, kemudian membalaunya. Lihat, Ibn Taymiyyah, *Majmū' Fatawā*, Jam wa Tartīb Abd al-Rahmān bin Muḥammad, Jilid 8, hal.460, al-Sīhristānī, *Kitāb al-Milāt wa al-Nihāl*, Takhrij Muḥammad bin Fatḥ Allah Badrān, Jilid 1, t.c., Maktabah al-Anjalū al-Miṣriyyah, Kaherah, t.t., hal. 51.

¹²⁵al-Hakamī, *Ma'ārif al-Qabūl*, Tahqīq Tāhā 'Abd al-Ra'ūf Sa'd, hal. 237. Lihat juga, 'Abd al-Qāhir al-Baghdādī, *al-Farq bayn al-Firaq*, Tahqīq Lajnah Ihyā' al-Turāth al-Ārabi, hal. 98.

¹²⁶Beliau adalah Gabenor Umayyah yang terkemuka di Iraq dan wilayah Arab yang lain. Beliau dikenali sebagai Abu Muhammad. Keturunan Arab Thaqif ini hahir di Taif dan berketurunan Bani Thaqif. Ibunya, al-Fariah, bekas isteri al-Mughirah bin Shu'bah juga merasal daripada Banu Thaqif. al-Hajjaj meninggal dunia pada tahun 714 Masihi, ketika berusia 52 tahun, kerana mengidap penyakit barah dalam perut. Sila lihat, _____, *Ensiklopedia Malaysiana*, Jilid 5, hal. 242-243.

¹²⁷'Abd al-Halīm Maḥmūd, *al-Tafkīr al-Falsafī fī al-Islām*, hal. 147-148.

¹²⁸Pelopor aliran *al-Jahmiyyah* atau *al-Jabariyyah* yang mengatakan tiada pilihan dan kemampuan bagi hamba melakukan sesuatu perbuatan. Beliau akhirnya ditangkap oleh kerajaan Bani Umayyah dan dihukum bunuh pada tahun 131H. Sila lihat, _____, *al-Munjīd fī al-Lughah wa al-Ā'lām*, hal. 205. Lihat juga, Harun Nasution (Dr), *Teology Islam Aliran-aliran Sejarah Anilisa Perbandingan*, hal. 31.

bin Dirham¹²⁹. Menurut 'Abd al-Qāhir al-Baghdādī, pendapat yang dibawa oleh Ma'bād al-Juhani, *Ghaylan al-Dimashqi* dan al-Ja'd bin Dirham mendapat tentangan hebat daripada para sahabat yang masih hidup ketika itu seperti Abdullah bin Umar (m.639M/17H),¹³⁰ Jabir bin Abdullah (m.692M/72H),¹³¹ Abu Hurairah (658M/37H),¹³² Ibn Abbas (m.687M/67H), Anas bin Malik (m.712M/93),¹³³ Abdullah bin Abi Aufa (m.705M/86H),¹³⁴ Uqbah bin Amir (m.1279M/677M)¹³⁵ dan sahabat mereka yang lain.

¹²⁹ Harun Nasution (Dr), *Teology Islam Aliran-aliran Sejarah Anilisa Perbandingan*. Lihat juga, Fārūq Dusūqī, *al-Qadā' wa al-Qadar fī al-Islām bayn al-Salaf wa al-Mutakallimīn*.

¹³⁰ Sahabat Rasulullah s.a.w.. nama sebenar dan keturunan beliau ialah Abdullah bin Umar al-Khattāb al-Qurayshi al-Adawi al-Madani. Beliau dikenali sebagai Ibu Umar dan dikunyahkan sebagai Abu Abdul Rahman. Beliau lahir pada tahun 6111 Masihi. Beliau menganut Islam ketika belum baligh lagi bersama bapanya. Beliau dianggap sebagai sahabat yang paling banyak terpengaruh dengan gaya hidup Rasulullah dari segenap segi. Ibu Umar meriwayatkan sebanyak 1,630 hadis daripada Rasulullah s.a.w. Ahli sejarah berselisih pendapat tentang tahun kewafatan beliau. Menurut Imam Nawawi, beliau wafat di Mekah pada tahun 73 Hijrah. Riwayat lain mengatakan beliau wafat pada tahun 72 atau 74 Hijrah. Lihat, Maznah Awang *et al*, *Ensiklopedia Islam*, Jilid 5, hal. 19-20.

¹³¹ Sahabat Rasulullah yang dikunyahkan sebagai Abu Abdullah, Abu Abdul Rahman dan Abu Muhammad. Ibumnya ialah Nusaiyah binti Aqabah bin Adi. Jabir menyertai perperangan bersama Rasulullah s.a.w. sebanyak 19 kali. Beliau terkenal sebagai seorang yang paling banyak meriwayat hadis iaitu sebanyak 1,540 hadis seperti yang dinyatakan oleh al-Nawawi. Beliau meninggal dunia di Madinah ketika umurnya 94 tahun. Ahli sejarah berselisih tentang tahun kematiannya, iaitu tahun 68 atau 73 atau 77 atau 78 Hijrah. Sila lihat, Maznah Awang *et al*, *Ensiklopedia Islam*, hal. 185.

¹³² Anak kelahiran Yaman ini bernama Abdul Rahman bin Sakh.pada tahun ke tujuh hijrah beliau berhijrah ke Madinah dan memeluk agama Islam di situ. Beliau adalah di antara sahabat yang paling banyak meriwayat hadis. Sebanyak 5,347 buah hadis diriwayatkan oleh beliau. Abu Hurairah meninggal dunia di Madinah pada tahun 658 masih, ketika berusia ~~78~~ tahun. Sila lihat, Maznah Awang *et al*, *Ensiklopedia Islam*, Jilid 1, hal. 110-111.

¹³³ Nama dan keturunan beliau ialah Anas bin Mālik bin al-Nadr bin Damdam bin Zaid bin Ḥaram bin Jundub bin Āmir bin Ghanm bin Adi bin al-Najjār bin Thā'lab bin Amr bin al-Khazraj bin Hārithah al-Ansārī al-Khazraji al-Najjāri. Sahabat Rasulullah yang diberikan *kunyah* sebagai Abu Hamzah. Beliau dikatakan berkhidmat kepada Rasulullah sebagai khadam selama sepuluh tahun di Madinah. Beliau mempunyai pertalian keturunan dengan nenek baginda iaitu ibu kepada Abdul Muttalib. Beliau meninggal pada tahun 712 Masihi di Taif. Lihat, E. J .Brill al-Kitābah, Ibrāhim Zakī Khurshid, Ahmad al-Shantanāwī dan 'Abd al-Ḥamīd Yūnus (Dr) *et.al*, *Mūjaz Dā'irah al-Mā'rif al-Islāmiyyah*, Jilid 5, Markaz al-Shāriqah li al-'Ibdā' al-Fikrī, t.t.p, 1998, hal. 1378-1379. Lihat juga, Ibn Ḥajar al-Asqalānī, Shihāb al-Dīn Ibn al-Faḍl Ahmad bin Ali, *Tahdhīb al-Tahdhīb*, Juzuk I, Dār al-Kitāb al-Islāmī, Kaherah, 1993, hal. 376-379.

¹³⁴ Nama dan keturunan beliau ialah Abdullah bin Abi Aufa 'Alqamah bin Khalid bin al-Harith bin Abi Usaid bin Rifa'ah bin Thalabah bin Hawazin bin Aslam al-Aslami. Dikenali dengan Abu Muawayah, Abu Ibrahim dan Abu Muhammad. Seorang sahabat yang terlibat dalam Baiah al-Ridwan, Perjanjian Hudaibiah, Perperangan Khaibar dan beberapa perperangan lain. Meriwayatkan sebanyak 92 hadis daripada Rasulullah. Beliau menetap di Madinah sehingga nabi wafat. Kemudian beliau berhijrah ke Kufah dan meninggal dunia di sana pada tahun 705 Masihi. Lihat, Maznah Awang *et al*, *Ensiklopedia Islam*, Jilid 1, hal. 45-46.

¹³⁵ Sahabat Rasulullah yang bernama Uqbah bin 'Amir bin 'Abs bin 'Amr bin 'Adi bin Rifa'ah bin Mawdu'ah bin 'Adi bin Ghanm bin Rabah bin Rashdan bin Qays bin Junaiyah al-Juhani. Ketika

Menurut Abū Zuhrah (m.1974M/1394), pada akhir kurun ketiga hijrah muncul dua orang tokoh iaitu Abū Ḥasan al-Ash'ārī (m.966M/355H)¹³⁶ di Basrah dan Abū Manṣūr al-Māturīdī (m.944M/332H)¹³⁷ di Samarkand.¹³⁸ Meraka menegaskan manusia mempunyai peranan dalam melakukan perbuatan melalui *al-kasb*. Pada kurun keempat hijrah muncul pengikut Imaīn Ahmad bin Hanbal (m. M/241H), penggerak aliran *al-Salafiyah*. Pada kurun ketujuh hijrah, muncul Ibn Taymiyyah menghidupkan kembali aliran tersebut.¹³⁹ Ibn Taymiyyah berpendapat Allah mencipta manusia dan membekalkan kudrat kepadanya. Dengan kudrat tersebut manusia melakukan sendiri perbuatannya.¹⁴⁰

Pendahuluan ringkas di atas menunjukkan bahawa permasalahan *qfāl al-Ibād* (perbuatan hamba) adalah isu utama yang diperselisihkan. Ia timbul di kalangan *al-*

Rasulullah sampai di Madinah beliau adalah seorang pengembala kambing. Ketika pemerintahan Muawiyah beliau adalah sahabat kahlifah itu. Selepas beberapa waktu tinggal di Damsyik, beliau menjadi gabenor Muawiyah di Mesir dan wafat di situ. Beliau meriwayatkan 55 buah hadis daripada Rasulullah s.a.w. Uqbah meninggal dunia di Mesir pada tahun 58 Hijrah. Sila lihat, Maznah Awang *et al.*, *Ensiklopedia Islam*, Jilid 11, hal. 114-115.

¹³⁶Nama dan keturunan beliau ialah 'Alī bin Ismā'il bin Ishāq bin Sālim bin Ismā'il bin Abdullāh bin Mūsā bin Abī Burdah bin Abī Mūsā al-Ash'ārī. Lihat, Ḥammād bin Muḥammad al-Anṣārī, *Takdim al-Ibānah 'an Uṣūl al-Dīyānah*, Jāmi'ah al-Islāmiyyah bi al-Madīnah, 1408H, hal. 3. Beliau dilahirkan pada 257 H/837 M dan wafat pada 355H/935M di Basrah. Lihat, Maznah Awang *et al.*, *Ensiklopedia Islam*, Jilid 1, 1998, hal. 109. Beliau adalah seorang ulama Usuluddin yang di nisbahkan kepadanya aliran *Ashā'irah*. Beliau daripada keturunan Abū Mūsā al-Ash'ārī, salah seorang sahabat nabi yang terkenal, al-Imām pada usia mudanya mendapat didikan daripada ayah tirinya, Abū 'Alī Muḥammad bin 'Abd al-Wahhāb al-Jubbā'i seorang tokoh aliran *Mu'tazilah*. Sebagai seorang anak dan murid kepada tokoh berkaliber, pada mulanya *al-Ash'ārī* menjadi pendokong kuat *Mu'tazilah* sehingga akhirnya dikenali pula sebagai seorang tokoh yang hebat di dalam madhab *Mu'tazilah*. Akan tetapi selepas terjadi perdebatan tentang peristiwa andaian tiga orang yang berlainan keadaan mati dan dihadapkan kepada Allah di akhirat, wujud perselisihan antara beliau dengan gurunya. Akibatnya, *al-Ash'ārī* tidak berpuashati dengan aliran yang menjadi pegangannya selama ini dan mengisyiharkan dirinya keluar daripada madhab *Mu'tazilah*. Lihat, Ḥammād bin Muḥammad al-Anṣārī, *Takdim al-Ibānah 'an Uṣūl al-Dīyānah*, Jāmi'ah al-Islāmiyyah bi al-Madīnah, 1408 H , hal. 3.

¹³⁷Beliau ialah Abū Manṣūr Muḥammad bin Muḥammad bin Maḥmūd al-Māturīdī. Dilahirkan di Māturīd, sebuah daerah di Samarkand. Tahun kelahirannya tidak begitu jelas tetapi dijangkakan pada pertengahan kedua abad kesembilan maschi. Beliau wafat pada tahun 332H, di Māturīd. Lihat, HM Yusran Asmuni (Drs.), *Ilmu Tauhid*, hal. 128

¹³⁸Abū Zuhrah, *Tārīkh al-Madhāhib al-Islāmiyyah*, hal. 163

¹³⁹*Ibid.* hal. 190.

¹⁴⁰Ibn Taymiyyah, *Majmū' Fatāwā*, Jam' wa Tartīb 'Abd al-Rahmān bin Muḥammad, Jilid 8, hal. 287-394. Lihat juga, *Ibid.* hal. 202.

Jabariyyah, *al-Qadariyyah*, *al-Mu'tazilah*, *Ahl al-Sunnah Wa al-Jamā'ah* dan *al-Salafiyyah*. Supaya lebih jelas, dibahaskan pandangan setiap aliran dengan lebih detil.

2.7.1 Aliran *al-Jabariyyah*

Menurut *al-Mawāqif*, *al-Tabṣir fī al-Dīn*, *Ma’ārij al-Qabūl*, *Aqidah al-Muslim wa mā Yattasīl bihā* dan *Mawqif al-Bashar taht Sulṭān al-Qadar*, *al-Jabariyyah* berpendapat manusia tidak berkuasa mengawal perbuatannya. Manusia ibarat kapas yang berterbangan mengikut arah angin. Segala perbuatan hamba dikawal dan dijadikan oleh Allah s.w.t. dengan kudrat dan iradat-Nya. Manusia serupa dengan segala makhluk lain yang tidak berakal dan tidak mampu berusaha seperti haiwan dan tumbuh-tumbuhan. Bagi mereka, maksiat dan taat, dosa dan pahala serta haram dan halal adalah serupa. Manusia yang derhaka dan taat sama sahaja disisi Allah s.w.t kerana manusia ibarat alat atau perantaraan bagi melaksanakan kehendak Allah s.w.t. aliran ini juga dinamakan *al-Jahmiyyah*, nisbah kepada pengasasnya, Jahm bin Ṣafwān¹⁴¹

al-Sayyid ‘Abd Allah Shubbar, menolak pendapat *Jabariyyah* dengan mengemukakan hujah *‘aqlī* dan *naqlī*, antara katanya: Akal yang sihat dapat membezakan di antara perbuatan *ikhtiyārī* dan *id̄irārī*. Semua yang berakal mengetahui ketetapan ini. Seorang budak kecil sekalipun, apabila dipukul dengan sebatang kayu akan memarahi orang yang memukulnya, tidak kepada kayu tersebut. Akal sihat juga dengan mudah dapat membezakan di antara perbuatan yang boleh

¹⁴¹ Abd al-Rahmān bin Ahmad ‘Udād al-Dīn al-Ījī, *Kitāb al-Mawāqif*, Tabqīq ‘Abd al-Rahmān ‘Umāyrah (Dr), Juzuk 3, Dār al-Jayl, Beirut, 1997, hal. 712. Lihat juga, al-Asfārāyīnī, *al-Tabṣir fī al-Dīn wa Tamyīz al-Firqah al-Nājiyah ‘an al-Firqat al-Hālikīn*, Tabqīq Kamāl Yūsuf al-Ḥūt, hal. 107. Lihat juga, al-Ḥakamī, *Ma’ārij al-Qabūl*, Tahqīq Tāhā ‘Abd al-Ra’ūf Sa’d, hal. 240. Lihat juga, al-Sā’ih, *Aqidah al-Muslim wa mā Yattasīl bihā*, Maṭābi’ Wazārat al-Auqāf wa Shu’ūn al-Muqaddasāt al-Islāmiyyah, Cet. 2, Oman, 1983, hal. 151. Lihat juga, Muṣṭafā Ṣabri, *Mawqif al-Bashar taht Sulṭān al-Qadar*, al-Maṭba’ah al-Salafiyyah wa Maktabatuha, 1325H, hal. 48.

dilakukan mengikut kehendak ; seperti menggerakkan tangan dengan perbuatan yang tidak mampu dikawalnya; seperti degupan jantung. Seterusnya adalah suatu ketetapan yang tidak boleh disangkal (*al-hukm al-darūrī*) bahawa memuji kebaikan dianggap perkara baik. Mengeji kebaikan pula dianggap tidak baik. Seorang yang mengeji pelaku kebaikan akan dianggap bodoh. Tetapi dianggap tidak baik untuk memuji atau mengeji seseorang yang tinggi atau rendah kerana itu bukan perbuatannya. Jadi, adalah suatu perkara yang tidak elok (*qubh*) jika Allah perintahkan hamba berbuat baik dan menjauhi kejahanan; dalam masa yang sama Allah adalah *al-fa'il* semua itu, bukan manusia. Ini kerana apabila Allah menciptakan maksiat pada manusia, sudah tentu dia tidak akan dapat melakukan ketaatan dan begitulah sebaliknya. Ketika itu jadilah manusia seperti *al-jamadat*. Kalau situasi ini terjadi, zalimlah Allah s.w.t., sedangkan Allah tidak begitu. Kalau Allah ciptakan maksiat tanpa ada *athar* manusia padanya, kemudian mengazabkan dia sedangkan perbuatan itu daripada-Nya, amat kejamlah Dia. Pendapat *al-Jabariyyah* tidak benar kerana ia menafikan ayat yang menyandarkan perbuatan kepada manusia;¹⁴² ayat yang memuji orang beriman dan mengeji orang yang kufur serta pembalasan terhadapnya,¹⁴³ ayat yang menegaskan bahawa perbuatan Allah s.w.t tidak sama dengan perbuatan makhluk dan Allah tidak zalm,¹⁴⁴ ayat yang menegaskan bahawa perbuatan manusia dilakukan dengan pilihan dan kehendaknya,¹⁴⁵ ayat yang menyatakan para nabi menyandarkan kesalahan kepada diri mereka,¹⁴⁶ ayat yang menceritakan orang kafir dan pelaku dosa menyandarkan

¹⁴²Sila lihat, Sūrah al-Baqarah, 2:79, Sūrah Maryam, 19:39, Sūrah al-Anfāl, 8:53, Sūrah Yūsuf, 12:18, Sūrah Ibrāhīm, 14:22.

¹⁴³Sila lihat, Sūrah Ghāfir, 40:17, Sūrah al-Jāthiyah, 45:28, Sūrah al-Najm, 53:37, Sūrah al-An'ām 6:164, Sūrah Tāhā 20:15, Sūrah al-Rahmān, 55:60, Sūrah al-Naml, 27:90, Sūrah al-An'ām 6:160, Sūrah Tāhā, 20:124, Sūrah al-Baqarah, 2:68, Sūrah Āl 'Imrān, 3:90.

¹⁴⁴Sūrah al-Mulk:3, Sūrah al-Sajadah 7, Sūrah al-Nisā':40, Sūrah Ghāfir, 40:17, Sūrah al-Isrā' 17:71

¹⁴⁵Sila lihat, Sūrah al-Kahf, 18:29, Sūrah Āl 'Imrān, 3:145, Sūrah al-Takwīr, 81:28, Sūrah al-Tawbah, 9:94, Sūrah al-Naba', 78:39, Sūrah 'Abas, 80:12.

¹⁴⁶Sūrah al-A'rāf 7:23, Sūrah al-Anbiyā' 21:87, al-Naml, 27:44.

kekufuran dan dosa tersebut kepada diri mereka sendiri.¹⁴⁷ ¹⁴⁸ Dengan itu jelaslah bahawa pandangan *Jabariyyah* tertolak. Dalil-dalil yang digunakan oleh beliau digunakan juga buat menguatkan aliran *al-Qadariyyah al-Mu'tazilah*.

2.7.2 Aliran *al-Qadariyyah*

al-Qadariyyah terbahagi kepada dua aliran:

- (i) Aliran yang mengatakan manusia mempunyai kebebasan untuk memilih, berkuasa untuk melakukan apa yang diingini walaupun pilihan tersebut berlawanan dengan kehendak Allah.¹⁴⁹ Kata Imam Nawawi (m.1277M/676H), menurut mereka, Allah tidak mengetahui sesuatu yang belum wujud; Allah tidak mentakdirkannya sebelum terjadi dan Allah hanya mengetahui sesuatu perkara ketika ia terjadi.¹⁵⁰ Ringkasnya mereka mengingkari ilmu Allah sebelum wujud sesuatu dan berpendapat Allah tidak campur tangan dalam perbuatan manusia. Menurut Imam Nawawi, aliran ini tidak wujud lagi.¹⁵¹
- (ii) Aliran yang tidak menafikan takdir Allah s.w.t., tetapi mengatakan segala kebaikan daripada Allah dan keburukan daripada manusia.¹⁵² Menurut al-İji, mereka berpendapat manusia diberikan kuasa secara mutlak oleh Allah s.w.t. untuk mencipta

¹⁴⁷ Surah Saba', 34:31-32, Surah al-Muddaththir, 74:42-43, al-Ahqāf, 46:34.

¹⁴⁸ al-Sayyid 'Abd Allah Shubbar, *Haqq al-Yaqīn fī Ma'rifah Uṣūl al-Dīn*, Dār al-Adwā', Beirut, 1983, hal. 121-136

¹⁴⁹ HM Yusran Asmuni (Drs.), *Ilmu Tauhid*, Manajemen hal. 160. Lihat juga, Harun Nasution (Dr), *Theology Islam Aliran-aliran Sejarah Anilisa Perbandingan*, hal. 29. Lihat juga, Umar Hasyim, *Siapa Ahlus Sunnah Wal-Jamaah? – Berlakunya Fahaman Sesat Dan Penyelewengan Di kalangan Muslimin*, hal. 71-72. Lihat juga, Ahmad bin Atiyah (Dr), *al-Bayhaqī wa Mawqifuh min al-Ilahiyāt*, Cet 3, Maktabah al-Ulūm wa al-Hikam, Madinah, hal. 321.

¹⁵⁰ al-Nawawi, *Sharḥ al-Nawawī 'alā Ṣaḥīḥ Muslim*, Cet. 2, Jilid 1, hal. 154. Lihat juga, al-Hadīth al-Thānī, http://www.markazdawa.org./Arabic/hadeeth_arbaaon.htm, 23 Februari 2001. Lihat juga nota kaki, al-Lālakā⁷i, *Iftiqād Aḥl al-Sunnah*, Tahqīq Ahmad Sa'd Hamdān, Jilid 2, hal. 534.

¹⁵¹ al-Nawawi, *Sharḥ al-Nawawī 'alā Ṣaḥīḥ Muslim*, Cet. 2, Jilid 1, hal. 154.

¹⁵² *Ibid.*

perbuatan *ikhtiyārīnya* sendiri¹⁵³. Kitab *al-Masā'il al-Khamsūn fi Uṣūl al-Dīn* ada menyebut bahawa mazhab ini mengatakan manusia bertanggungjawab di atas segala perbuatan yang dilakukannya sama ada baik atau buruk dan akan menerima balasan yang setimpal dengan perbuatannya di akhirat kelak. Walau bagaimanpun, perbuatan maksiat, kejahatan dan kezaliman tidak kena mengena langsung dengan Allah s.w.t. dan tidak termasuk di dalam takdir.¹⁵⁴ Ini kerana menurut al-Qaḍī 'Abd al-Jabbār, Maha Suci Allah daripada segala perbuatan mungkar dan zalim. Andainya kejahatan dan kezaliman itu dijadikan oleh Allah nescaya Allah zalim sedangkan Allah s.w.t. adalah Zat yang memiliki segala sifat kesempurnaan.¹⁵⁵ Aliran kedua ini masih didokong hingga sekarang dan lebih dikenali dengan gelaran *al-Mu'tazilah*.

Selain dalil penyokong *al-Mu'tazilah* yang dikemukakan al-Sayyid 'Abd Allah Shubbar, al-Khaṭīb menukilkan daripada *Rasā'il al-Ghazālī*, dalil-dalil yang disandarkan kepada pendapat mereka, di antaranya:¹⁵⁶

Setiap orang merasakan dia mampu melakukan perbuatan tertentu dengan pilihan dan kudratnya; seperti menggerakkan kakinya, memejamkan mata, dan berkata-kata. Manakala manusia tidak merasa bahawa dia yang melakukan perbuatan

¹⁵³ al-İjī, *Kitāb al-Mawqif*, Tahqīq 'Abd al-Rahmān 'Umayrah (Dr), Juzuk 3, hal. 214.al-Asfarāyīnī, *al-Tabṣīr fī al-Dīn wa Tamyīz al-Firqah al-Nājiyah 'an al-Firqa al-Hālikīn*, Tahqīq Kamāl Yūsuf al-Ḥūt, hal. 64. Lihat juga, Lihat juga, al-Ghazālī, *Kitāb al-Arba'īn fī Uṣūl al-Dīn*, Dār al-Jayl, Beirut, 1988, hal. 11. Lihat juga, Aḥmad bin Aṭiyyah (Dr), *al-Bayhaqī wa Mawqifuh min al-Ilāhiyyāt*, hal. 321. Lihat juga, Mutawallī, al-Sayyid, Ḥasan, *Mudhakkirat al-Tawḥīd wa al-Fiqra*, Juzuk 2, al-Maktabah al-Azharīyah li al-Turāth, Kaherah, 1993, hal. 56. Lihat juga, Abd al-Ḥamid al-Sā'ib, *Akīdah al-Mu'sim wā mā Yattaṣil bihā*, hal. 151. Lihat juga, Aḥmad bin Aṭiyyah (Dr), *al-Bayhaqī wa Mawqifuh min al-Ilāhiyyāt*, hal. 321.

¹⁵⁴ Fakhr al-Dīn al-Rāzī, *al-Masā'il al-Khamsūn fi Uṣūl al-Dīn*, Tahqīq Aḥmad Hijāzī al-Saqā, Cet. 2, al-Maktab al-Thaqāfi, Kaherah, 1990, hal. 61. Lihat juga,

¹⁵⁵ al-Qaḍī 'Abd al-Jabbār, *Sharḥ Uṣūl al-Khamsah*, Tahqīq Abd al-Karīm Uthmān (Dr), Maktabah Wahbah, al-Kaherah, 1965, hal. 336.

¹⁵⁶ al-Khaṭīb, *al-Qadā' wa al-Qadar bayn al-Falsafah wa al-Dīn*, hal 203-204. Lihat juga, al-İjī, *Kitāb al-Mawqif*, Tahqīq 'Abd al-Rahmān 'Umayrah (Dr), Juzuk 3, hal. 210-213. Lihat lebih detil, al-Qaḍī 'Abd al-Jabbār, *Sharḥ Uṣūl al-Khamsah*, Tahqīq Abd al-Karīm Uthmān (Dr), hal. 332-345.

perbuatan seperti berdenyutnya jantung dan nadi, menggigil kesejukan, dan pucat ketakutan. Di antara ayat al-Quran yang menjelaskan bahawa manusia itu mempunyai kehendak dan pilihan sendiri dalam melakukan segala perbuatan *ikhtiyāriyyah* ialah:

Sūrah al-Kahf, 18:29.

Maksudnya: Dan katakanlah (wahai Muhammad): "Kebenaran itu ialah yang datang dari Tuhan kamu, maka sesiapa yang mahu beriman, hendaklah ia beriman; dan sesiapa yang mahu kufur ingkar, biarlah dia mengingkarinya".

Allah s.w.t. Maha Adil. Jadi, Allah s.w.t. hanya menghisab perbuatan *ikhtiyāri* hamba, tidak perbuatan *Idtirāri*. Oleh kerana setiap manusia dihisab, ternyata perbuatan hamba itu terbit daripada kudrat dan pilihannya. Dalilnya firman Allah s.w.t., *Sūrah al-Tūr*, 52:21:

Maksudnya: Tiap-tiap seorang manusia terikat dengan amalan yang dikerjakannya.

Allah s.w.t. menganugerahkan akal dan kudrat kepada manusia supaya dapat melakukan perbuatan pilihan mereka. Allah s.w.t. juga menerangkan sebab mendapat hidayah dan menjadi sesat. Malahan Allah s.w.t. mengutuskan para rasul bagi membimbing manusia ke arah kebenaran. Inilah bukti manusia bebas melakukan perbuatan. Perbuatan manusia akan dibalas di akhirat. Perbuatan baik dibalas dengan nikmat dan perbuatan jahat dibalas dengan azab. Balasan itu bergantung kepada perbuatan yang dilakukan manusia sesuai dengan firman Allah s.w.t., *Sūrah al-Zalzalah*, 99:7-8:

Maksudnya: Maka sesiapa berbuat kebajikan seberat zarah, nescaya akan dilihatnya (dalam surat amalnya)!-Dan sesiapa berbuat kejahatan seberat zarah, nescaya akan dilihatnya (dalam surat amalnya)!

Amalan manusia ditimbang di akhirat. Sesiapa yang berat timbangan amal kebajikannya maka beruntunglah dia. Mereka yang ringan timbangan

kebijikkannya akan rugi. Perkara ini jelas seperti firman Allah s.w.t., *Sūrah al-Qāri'ah*, 101: 6-9.:

Maksudnya: Setelah berlaku demikian, maka (manusia akan diberikan tempatnya menurut amal masing-masing); adapun orang yang berat timbangannya amal baiknya, maka ia berada dalam kehidupan yang senang lenang. Sebaliknya orang yang ringan timbangannya amal baiknya, maka tempat kembalinya iaqah "Hawiyah".

Timbangan amalan yang terdapat di dalam ayat diatas menunjukkan balasan baik dan buruk berkait dengan perbuatan yang dilakukan manusia dan pelakunya sekali. Inilah di antara dalil yang digunakan oleh pendokong *al-Mu'tazilah* bagi menyokong aliran mereka.

2.7.3 *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah*

Nukilan al-Zubaydī daripada al-Khayyālī dan al-Kastalī melalui *hāshiyah* mereka kepada *Syarḥ al-'Aqā'id* mengatakan, yang masyhurnya *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah* itu adalah *al-Ashā'irah* dan *al-Māturidiyyah*. Seperti mana *al-Mu'tazilah*, *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah* juga membahagikan perbuatan hamba kepada dua bahagian; perbuatan di luar kemampuan dan kawalan manusia (*idtirārī*) dan perbuatan yang boleh diusahakan (*ikhtiyārī*)¹⁵⁷

al-Ash'ari mengatakan *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah* berpendapat semua perbuatan hamba termasuk kejahatan adalah ciptaan Allah s.w.t. Hamba tidak

¹⁵⁷ Abdullah Nāsiḥah Ulwān, *Masalah Taqdir*, terj. A.R. Shaleh Tahmid, Thinkers' Library Sdn. Bhd. t.t.p., 1988, hal. 8. Lihat juga, al-Baghdādī Maḥmūd Ṣalīḥ, *Irshād al-Anām fī Aqā'id al-Islām*, Dār al-Barrā', t.t.p., 1985, hal. 111. Lihat juga, Answer, <http://www.shu.ac.uk/students/union/socs/Islamic/qada.html>, 9 Mei 2000. Muḥammad Sa'īd Ramaḍān al-Būṭī, *Kubrā al-Yaqinīyyāt al-Kawnīyyah Wujūd al-Khāliq wa Waṭīfah al-Makhlūk*, Dār al-Fikr, Damsyik, 1411H, hal. 163.

mempunyai kudrat untuk mencipta.¹⁵⁸ Hubungan kudrat hamba dengan perbuatan *ikhtiyarinya* hanyalah dari segi *al-kasb*.¹⁵⁹ Allah s.w.t. yang mencipta perbuatan, hamba hanyalah *kāsib* kepada perbutan itu. Jadi, taklif yang diamanahkan kepada hamba dan perhitungan dosa dan pahala adalah berdasarkan *al-kasb*. Kerananya para rasul diutuskan hamba diberi pahala atau dosa. Menurut al-Ash'arī lagi, *al-kasb* bererti *iqtiran* (keselarian, berbetulan atau persamaan) di antara perbuatan (yang dijadikan Allah) dengan ikhtiar hamba yang tidak memberi kesan.¹⁶⁰ Mengikut pengertian ini, *al-kasb* dan perbuatan itu dijadikan oleh Allah s.w.t. Justeru, Abū Zuhrah mengatakan terdapat ulama menyamakan *al-kasb* yang dimaksudkan itu dengan *al-jabr al-mutawassīt* manakala Ibn Ḥazm dan Ibn Taymiyyah mengatakan ia adalah *al-jabr al-kāmil*.¹⁶¹ Deang Sanusi juga berpendapat semata-mata *iqtirān* adalah tidak mencukupi untuk menjadi asas pertanggungjawaban dosa dan pahala.¹⁶² Ketika menerangkan proses *al-kasb*, *al-Buṭī* mengatakan manusia dianugerahkan oleh Allah s.w.t. suatu *malakah*.¹⁶³ Ia dinamakan iradat, kasad (*al-qasd*), azam, ikhtiar atau kemampuan membuat pilihan. *Malakah* ini bersifat *kulliyah*. *Malakah* ini sama dengan *malakah* lain yang wujud pada insan seperti kesediaan untuk berfikir dan ketawa. Begitu juga dengan *malakah* tenaga yang tersimpan di dalam tubuh. Ia tetap wujud pada manusia walaupun tidak digunakan. Dengan *malakah* ini manusia mempunyai keinginan ,

¹⁵⁸ Abū al-Ḥasan 'Alī bin Ismā'īl al-Ash'arī, *Maqālat al-Islāmiyyīn wa Ikhtilāf al-Muṣallīn*, Cet. 3, Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabī, Beirut, t.t., hal. 291. Lihat juga, al-Ījī, *Kitāb al-Mawāqif*, Tahqīq 'Abd al-Rahmān 'Umayrah (Dr), Juzuk 3, hal. 214. Lihat juga,

¹⁵⁹ al-Imām al-Allāmah al-Shaykh Ibrāhim al-Bajūrī, *Sharḥ Jawharah al-Tawhīd*, Tansiq wa Takhrīj Muḥammad Adib al-Kaylānī wa 'Abd al-Karīm Tattān, t.p., t.t.p., 1972, hal. 198.

¹⁶⁰ Mutawalli, *Mudhakkirat al-Tawhīd wa al-Fīraq*, Juzuk 2, hal. 54.

¹⁶¹ Abū Zuhrah, *Tārīkh al-Madhbāhīb al-Islāmiyyah*, hal. 184. Lihat juga, 'Alī 'Abd al-Fattāḥ al-Maghribī, *Haqīqah al-Khilāf bayn al-Mutakallimīn*, Maṭbah Wahbah, Kaherah, 1994, hal. 92. Lihat juga, Ibn Taymiyyah, *Majmū' Fatāwā*, Jam' wa Tartīb 'Abd al-Rahmān bin Muḥammad, Jilid 8, hal. 393. Lihat juga, al-Ījī, *Kitāb al-Mawāqif*, Tahqīq 'Abd al-Rahmān 'Umayrah (Dr), Juzuk 3, hal. 712.

¹⁶² Sanusi Daeng Mareok, *Mushkilah al-Qaḍā' wa al-Qadar 'ind 'ulamā' al-Kalām wa al-Šūfiyyah*, t.c., t.t., hal. 109.

¹⁶³ *Malakah* ialah suatu sifat yang wujud kukuh dalam diri atau suatu kesediaan akal untuk melakukan sesuatu perkara dengan baik (mahir). Lihat, *Jamā'at min Kibār al-Lughātiyyin al-'Arab*, *al-Mu'jam al-Lughawi al-Asāsi*, t.c., al-Munaẓẓamah al-'Arabiyyah li al-Tarbiyah wa al-Thaqāfah wa al-'Ulūm, Larousse, Alecso, 1989, hal. 1151.

keazaman dan kebolehan untuk mengambil keputusan. Hasil pemberian *malakah kulliyah* tersebut terserlah bilamana manusia mampu mengarahkannya kepada perbuatan yang bersifat *juz'i*. Proses *al-kasb* atau mengarahkan *qaṣd* kepada sesuatu perbuatan itu pula adalah *amr i'tibārī*. Ia tidak perlu kepada penciptaan dan tidak berta'ālluq kepada kudrat.¹⁶⁴ Respon kepada kenyataan ini, Hasan al-Sayyid Mutawallī mengatakan *al-kasb* yang merupakan *amr i'tibārī* itu tidak melepaskan manusia daripada *al-jabr*.¹⁶⁵

Pendapat al-Māturīdī mengenai *al-kasb* berlainan daripada al-Ash'arī. Abu Zuhrah mengatakan, *al-kasb* menurut al-Māturīdī terhasil dengan kudrat dan kesan daripada manusia. Kudrat yang memberi kesan pada *al-kasb* ketika wujudnya perbuatan itu dinamakan daya kemampuan (*al-istiqā'ah*) yang ada pada manusia. Berdasarkan *al-istiqā'ah* inilah manusia ditaklifkan¹⁶⁶

Berdasarkan perbincangan tentang aliran mengenai *afāl al-'ibād*, didapati aliran al-Jabariyyah dan *al-Qadariyyah* tidak menepati kehendak al-Quran dan Hadis. Lojik akal sekalipun tidak berpihak kepada *al-Jabariyyah* yang menolak secara total peranan manusia terhadap perbuatannya. *al-Qadariyyah* pula, kerana ingin mensucikan Allah s.w.t. daripada keburukan telah meletakkan kuasa penciptaan kepada manusia. Pendapat ini menafikan kuasa mutlak Allah s.w.t. Aliran *al-Ashā'irah* dikatakan berada di antara *Jabariyyah* dan *Qadariyyah*. Malangnya *al-kasb* yang didefinisikan oleh al-Ash'arī dikritik sehingga ia disamakan dengan pendirian *Jabariyyah*. Pendirian *al-Māturīdiyyah* nampak lebih praktikal kerana tidak menafikan kesan manusia dalam *al-kasb*. Walaupun begitu, menurut 'Abd al-Hamīd al-Sā'ih, mereka tidak lepas-

¹⁶⁴ *Ibid.* hal. 53-57, 64.

¹⁶⁵ Sila lihat, Mutawallī, *Mudhakkirat al-Tawhīd wa al-Firaq*, Juzuk 2, hal. 54.

¹⁶⁶ Abū Zuhrah, *Tārikh al-Madhāhib al-Islāmiyyah*, hal. 185.

daripada kritikan kerana tidak menyandarkan kudrat dan perbuatan kepada manusia seperti yang dinyatakan oleh nas al-Quran. *Al-Māturīdiyyah* boleh dikatakan berada di antara golongan *al-Qadarīyyah* dan *Mu'tazilah* yang mengatakan manusia mencipta perbuatannya sendiri dan *al-Ashā'irah* yang menafikan kesan *al-kash*.¹⁶⁷

;

2.7.4 Aliran *al-Salafiyyah*

Ibn Taymiyyah mengemukakan pandangannya mengenai *af'al al-'ibād* dengan mengatakan:

*Jumhur Ahl al-Sunnah yang mempercayai takdir dari semua golongan berpendapat, manusia melakukan perbuatannya secara hakiki. Manusia mempunyai kudrat dan daya kemampuan yang hakiki. Mereka tidak mengingkari kesan yang terjadi dari sebab-sebab ṭabi'i. Mereka percaya apa yang ditunjukkan oleh syarak dan lojik akal; Allah menjadikan awan dengan (melalui) angin, menurunkan hujan dengan awan dan menumbuhkan tanaman dengan air. Merka mengakui bahawa kekuatan dan tabiat (al-quwā' wa al-ṭabā') yang terdapat pada makhluk mempunyai kesan...*¹⁶⁸

Beliau menjelaskan lagi pendiriannya bersama *Ahl al-Sunnah* di samping menolak pendapat lain dengan mengatakan:

*Sesungguhnya para pimpinan Ahl al-Sunnah mengatakan Allah s.w.t. mencipta sesuatu dengan asbāb. Allah mencipta kudrat kepada manusia. Dengannya manusia melakukan perbuatan secara hakiki. Pendapat mereka tentang penciptaan perbuatan manusia dengan iradat dan kudratnya samalah seperti penciptaan segala kejadian melalui asbābnya. Tetapi ini bukanlah pendapat mereka yang menafikan al-asbāb dan al-quwā yang terdapat pada jisim dan menafikan perbuatan yang wujud daripada kudrat manusia. Ini kerana mereka berpendapat kudrat manusia tidak memberi kesan langsung pada perbuatannya. Ia adalah pendapat Jāhm dan pengikutnya serta pendapat al-Ash'ari dan mereka yang bersetuju dengannya. Pendapat mereka bukanlah pendapat pimpinan (*a'imma*) jumhur Ahl al-Sunnah. Asal pendapat ini timbul daripada al-Jāhm bin Ṣafwān. Dia hanya menetapkan mashi'ah Allah tetapi menafikan hikmat dan rahmat Allah juga menafikan perbuatan manusia atau kudrat manusia yang memberi kesan...*¹⁶⁹

¹⁶⁷ al-Sā'ib, *Ākīdah al-Muslim* wa mā Yattaṣil bihā, hal. 157.

¹⁶⁸ Ibn Taymiyyah, *Minhāj al-Sunnah al-Nabawiyah*, Muḥammad Rashād Sālim (Dr), Jilid 3, – Mu'assasah Qurṭubah, t.t.p., 1406, hal. 12, 108-118. Lihat juga, al-Lālakā'i, *Sharḥ Uṣūl Ītiqād Ahl al-Sunnah*, Taḥqīq Ahmad Sa'd Hamdān, Jilid 2, hal. 534.

¹⁶⁹ Ibn Taymiyyah, *Minhāj al-Sunnah al-Nabawiyah*, Muḥammad Rashād Sālim (Dr), Jilid 3, hal. 31-32.

Ibn Qayyim (m.1350M/751H)¹⁷⁰ juga mengulas perkara ini. Tegas beliau, perbuatan manusia disandarkan kepada kuasa dan kemahuan mereka sebagai sandaran ‘sebab’ kepada ‘kesan’. Sandaran perbuatan itu kepada kuasa dan kemahuan Allah pula adalah sandaran makhluk kepada *Khāliq*. Jadi, tiada pertentangan antara dua kuasa pada perbuatan manusia. Kuasa manusia sebagai kesan daripada kuasa Allah dan kuasa manusia itu sebahagian daripada ‘sebab’ yang membawa ‘kesan’. Adapun sebab atau kesan, pelaku perbuatan dan alat, kesemuanya itu adalah kesan daripada kuasaan Allah. Tidak ada suatu pun di dalam wujud ini yang terpisah daripada kesan kuasa dan kemahuan Allah.¹⁷¹

Melalui keterangan di atas dapatlah dinyatakan seperti kesimpulan Mohamad Kamil Ab. Majid ketika mengutarakan pendapat Ibn Taymiyyah tentang *afāl al-ibād*. Kesimpulan beliau ialah manusia boleh melakukan ketaatan dan maksiat. Ia dilakukan secara hakiki dengan kudrat yang diberikan kepada mereka tanpa ada paksaan. Seterusnya terdapat pertalian di antara ‘sebab’ dan ‘kesan’, serta kesan *tabi’i* pada makhluk. Sebagai contoh, awan, angin dan air memberi kesan hakiki dalam konteks *sabab wa musabbab* kerana kedua-duanya adalah ciptaan Allah. Ibn Taymiyyah berpendapat, manusia dan juga kudrat yang ada padanya adalah ciptaan Allah, tetapi manusialah yang melakukan perbuatannya secara hakiki (langsung). Allah adalah pencipta (*Khaliq*) dan manusia adalah pelaku (*fa’il*)¹⁷²

¹⁷⁰Beliau ialah Shams al-Dīn Abu ’Abd Allah Muḥammad-bin Abī Bakr bin Ayyūb bin Sa’d bin Jarīr al-Zar’ī al-Dimashqī. Beliau dikenali dengan nama Ibn Qayyim al-Jawziyyah. Beliau dilahirkan pada tahun 1292M/691H di Damsyik. Beliau seorang alim, fakih, ahli usul, pakar dalam ilmu nahu dan ahli makrifat. Ibn Qayyim meninggal pada malam khamis, 13 Rajab 1350M/751H sewaktu azan isyak. Lihat, Ibn Qayyim al-Jawziyyah, *Madārij al-Salikin*, Tahqīq Muhammad al-Muṭasim bi Allah, Jilid 1, Dār al-Kitāb al-’Arabi, 1990, hal. 11-12.

¹⁷¹Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah, *Shifā’ al-’Ail*, Tahqīq Muhammad Badr al-Dīn, hal. 146-147

¹⁷²Mohamad Kamil Hj. Ab. Majid, *Beberapa Aspek Ilm al-Kalam Mengikut Ibn Taymiyyah*, Penerbit Media Ilmu, Selangor, 1993, hal 121.

Dengan itu, ‘kuasa’ dan ‘kemahuan’ manusia menjadi ‘sebab’ kepada perbuatannya yang mempunyai kesan *tabi’i*. Kuasa dan kemahuan itu pula adalah ciptaan Allah. Ibn Taymiyyah menegaskan lagi bahawa ‘manusia pelaku perbuatannya secara hakiki’ adalah pendapat jumhur *Ahl al-Sunnah* daripada segenap golongan dan sahabat al-Ash’ari seperti Abū Ishāq al-Isfarāyīnī, Abū al-Ma’ālī al-Juwaynī yang digelar Imam al-Haramayn dan yang lain.¹⁷³ Walaupun begitu, pendapat ini tidak sama dengan pendapat *al-Mu’tazilah* kerana Ibn Taymiyyah mengakui Allah s.w.t. adalah penguasa segala maujudat. Apa yang Dia kehendaki pasti berlaku, apa-apa yang tidak dikehendaki-Nya tidak berlaku. Allah Maha Pencipta segala kejadian.¹⁷⁴ *al-Mu’tazilah* pula mengatakan manusia sendiri mencipta perbuatan walaupun Allah tidak menghendakinya. Ibn Taymiyyah mengakui bahawa kuasa dan kehendak Allah itu menyeluruh. Di samping itu kuasa dan kemahuan manusia juga tidak dapat dinafikan. Ia dapat dirasakan melalui perasaan dan pancaindera manusia. Dengan itu layaklah manusia ditaklifkan. Takdir tidak boleh dijadikan alasan untuk melakukan maksiat kerana mereka diberi memampuan untuk meninggalkannya. Jadi, dapatlah disimpulkan bahawa pendapat yang dikemukakan oleh *al-Salafiyyah* adalah lebih tepat. Ia selari dengan rasional dan kehendak nas. Ia juga berada di pertengahan antara *al-Mu’tazilah* dan *al-Ash’irah*. *Al-Salafiyyah* menerima apa yang dinyatakan al-Quran di samping tidak menafikan *sunnah* sebab dan akibat yang Allah s.w.t. tetapkan di alam ini.

¹⁷³ Ibn Taymiyyah, *Minhāj al-Sunnah al-Nabawiyah*, Muḥammad Rashād Sālim (Dr), Jilid 3, hal. 74-75. Lihat juga, Mohamad Kamil Hj. Ab. Majid, *Beberapa Aspek ‘Ilm al-Kalam Mengikut Ibn Taymiyyah*, hal. 113-114.

¹⁷⁴ Ibn Taymiyyah, *Majmū’ Fatawā*, Jam’ wa Tartīb Abd al-Rahmān bin Muḥammad, Jilid 8, hal. 246-247. Lihat juga, Ibn Taymiyyah, *Minhāj al-Sunnah al-Nabawiyah*, Muḥammad Rashād Sālim (Dr), Jilid 1, hal. 461. Lihat juga, al-Lālakā’i, *Şarḥ Uṣūl Itiqād Ahl al-Sunnah*, Taḥqīq Aḥmad Sa’d Hamdān, Jilid 2, hal. 534.